


MALAYSIA

BELUM DISAHKAN



PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA

Senate

PARLIMEN KETUJUH

Seventh Parliament

PENGGAL PERTAMA

First Session

Jilid I

Bil. 9

Hari Khamis

11hb Disember, 1986

KANDUNGANNYA

MENGANGKAT SUMPAH:

T.B. Tuan Haji Abdul Majid bin Abdullah (Ruangan 1)

PENGUMUMAN TIMBALAN YANG DI-PERTUA:

Mengalu-alukan Ahli Baru (Ruangan 1)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Ruangan 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1986) (Ruangan 37)

**Rang Undang-undang Bil Perbendaharaan (Tempatan)
(Pindaan)** (Ruangan 72)

**Rang Undang-undang Petroleum (Langkah-langkah
Keselamatan) (Pindaan)** (Ruangan 105)

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Khamis, 11hb Disember, 1986

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat]**

MENGANGKAT SUMPAH

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat Sumpah seperti yang disebutkan dalam Perlembagaan.

Tuan Haji Abdul Majid bin Abdullah

PENGUMUNAN TIMBALAN YANG DI-PERTUA

MENGALU-ALUKAN AHLI BARU

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan selamat datang dan tahniah kepada Ahli Yang Berhormat yang baru mengangkat Sumpah sebentar tadi. Saya berharap semoga Ahli yang baru dipilih itu dapat memberikan sumbangan yang berguna dan berfaedah kepada Dewan ini dan kepada negara seterusnya dan semoga beliau dapat berkhidmat dengan cemerlangnya.

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

FAMA - PENUBUHAN PASAR TANI

1. Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang minta Menteri Pertanian menyatakan berapa jumlah Pasar Tani yang telah dilancarkan, bagaimana sambutan yang diberikan oleh petani-petani. FAMA yang telah diberikan tugas dan diamanahkan bagi kejayaan projek tersebut adakah melibatkan diri secara sungguh-sungguh dan sentiasa memberikan panduan nasihat kepada petani-petani.

19.12.86

27. Tuan Hassan bin Nam minta Menteri Pertanian menyatakan seperti berikut:

- (a) jumlah bilangan Pasar Tani yang dibuka mengikut negeri sejak dibuka hingga sekarang; dan
- (b) bagaimana sambutan orang ramai adakah menggalakkan terhadap barang-barang yang dipasarkan di Pasar Tani dan nyatakan jumlah jualan di pasar-pasar tani berkenaan hingga 31hb Oktober, 1986.

Timbalan Menteri Pertanian [Tuan Luhut Wan]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meminta izin menjawab soalan ini bersama dengan soalan Yang Berhormat Tuan Hassan bin Nam pada tanggal 19.12.1986 yang akan datang kerana soalan kedua-dua Ahli Yang Berhormat ini seolah-olah sama.

Tuan Yang di-Pertua, FAMA telah menubuhkan sebanyak 36 buah Pasar Tani di seluruh negara sejak Januari, 1985 hinggalah akhir Oktober, 1986 adalah seperti berikut:

Negeri	Jumlah
Perlis	1
Kedah	4
Pulau Pinang	3
Perak	4
Kelantan	2
Pahang	3
Selangor	4
Wilayah Persekutuan	1
Negeri Sembilan	7
Melaka	2
Johor	4
Sabah	1

Tujuan Pasar Tani adalah menggalakkan penyertaan petani-petani menjual hasil pertanian mereka terus kepada pengguna sebagaimana hasrat Dasar Pertanian Negara.

Setakat ini Kementerian Pertanian berpuas hati dengan sambutan yang ditunjukkan oleh para petani kerana sungguh menggalakkan, kira-kira 1,572 orang petani telah menjayakan pasar tani ini.

Sejak projek ini dilancarkan Pasar Tani berjaya mengumpul hasil berjumlah \$10.3 juta dan sebagai contoh pada bulan Oktober, 1986 sebanyak \$1,524,279.58 hasil-hasil pertanian seperti sayur-sayuran, buah-buahan, daging, ayam proses, telur, ikan air tawar, ikan laut, susu dan dadih, barangan runcit dan proses, tanaman jangka pendek, air atau buah kelapa muda dan lain-lain lagi telah dipasarkan.

Kejayaan Pasar Tani adalah diusahakan secara bersungguh-sungguh oleh FAMA dan Jabatan/Agensi Kerajaan lain. Penglibatan FAMA dan agensi-agensi Kerajaan adalah bermula dari peringkat perancangan seperti memilih lokasi, peserta-peserta mendapatkan kerjasama agensi-agensi lain yang terlibat seperti Majlis Daerah dan Perbandaran sehinggalah dari masa ke semasa Pasar Tani beroperasi.

Di Pasar-pasar Tani akan disediakan pegawai-pegawai FAMA yang menjadi Urusetia yang akan memberi khidmat nasihat setiap masa kepada peserta-peserta dan disokong pula oleh pegawai-pegawai lain yang terlibat. Urusetia ini bertanggungjawab memberi khidmat nasihat mengenai kaedah perletakkan harga, nasihat penyampaian barangan (cara mengatur barang-barang), khidmat nasihat keusahawanan dan lain-lain. Di samping itu FAMA juga telah mengadakan kursus keusahawanan bagi peserta-peserta Pasar Tani.

Dari masa ke semasa FAMA juga mengadakan dialog dengan petani-petani yang melibatkan diri dalam bidang ini, bukan sahaja pihak kakitangan FAMA di peringkat Urusetia tetapi juga melibatkan pihak FAMA yang merancang, menyelia dan mengurus Pasar Tani secara keseluruhannya. Dengan pendekatan-pendekatan yang dinyatakan di atas adalah terbukti bahawa FAMA dengan Jabatan/Agensi lain telah menjalankan tugas yang diamanahkan bagi kejayaan Pasar Tani.

Tuan Haji Shahrom bin Haji Maasom: Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih kerana Selangor telah dibuka 4 Pasar Tani. Tetapi adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa di dalam Urusetia yang menyelenggarakan Pasar Tani ini tidak membenarkan seorang peniaga berniaga di situ kerana kononnya ada arahan bahawa jenis perniagaannya itu telah ditentukan kepada satu orang lain. Jadi adakah konsep Pasar Tani ini 1,572 orang yang mengambil bahagian ini sebagai peniaga-peniaga yang memasarkan hasilnya secara tetap, orang lain tidak boleh masuk. Ini saya ingin memberitahu kerana seorang petani dari Tanjong Sepat, cuba hendak berniaga di Pasar Tani di Shah Alam dan Kelana Jaya, dia dihalau, suruh balik. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar akan hal ini, dan kalau sedar, apa tindakan yang akan diambil.

Tuan Luhah Wan: Saya mengucapkan banyak terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat. Saya sendiri tidak sedar dan tidak dapat menafikan. Pihak kita akan membuat penelitian terhadap perkara tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya pasar tani ini dibuka seluruh negara ini khasnya keutamaan diberi kepada para petani yang gigih untuk memasarkan pengeluaran mereka secara terus kepada para pengguna tetapi setakat yang saya ketahui tidak ada sekatan kepada para petani dalam kawasan lain ataupun pihak lain ditegah ataupun dicegah daripada mengambil bahagian dalam memasarkan hasil pertanian mereka. Kita akan membuat pemeriksaan terhadap perkara ini.

Puan Mazidah binti Haji Zakaria: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat sedikit penjelasan daripada Kementertan ini mengenai kedudukan kedai-kedai FAMA yang satu masa dahulu sebelum pasar tani ini menjadi popular kalau saya tidak silap banyak ditubuhkan, contohnya kedai FAMA seperti yang terdapat di Damansara Utama kalau saya tidak silap. Jadi, apakah kedudukan projek kedai FAMA pada ketika ini?

Tuan Luhah Wan: Ini ada terkeluar sedikit daripada soalan asal, Tuan Yang di-Pertua. Tetapi yang saya dapat jelaskan di sini ialah pihak FAMA sentiasa menjalankan urusan mereka selama ini mengikut schedule, tidak ada apa-apa perubahan dan juga apa yang saya jelaskan tadi iaitu pihak FAMA terlibat dalam tanggungjawab mereka menolong pihak para petani yang menjual hasil pertanian mereka di pasar-pasar tani.

Puan Rokiah binti Zainuddin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah perbezaannya antara pasar tani dengan pasar sari, pasar lambak,

pasar minggu dan pekan Ahad.

Tuan Luhah Wan: Tentu sekali pasara tani ini khas untuk hasil-hasil pertanian. Pasar minggu itu dia bukan hanya menjual hasil pertanian, macam-macam jenis benda dia boleh jajakan di situ, tetapi pasar tani ini khas untuk hasil yang diperolehi oleh pihak para petani.

Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Latif: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan, atas dasar apakah peruntukan diberi kepada tiap-tiap negeri umpamanya Perlis satu, Kedah empat dan seterusnya?

Yang keduanya, tidakkah Timbalan Menteri yang berkenaan sedar dengan adanya pasar tani diwujudkan dalam bandar sungutan-sungutan daripada peniaga-peniaga pasar amat ketara sekali?

Yang ketiga, adakah Timbalan Menteri yang berkenaan sedar bahawa ada juga penjual-penjual pemborong mengambil bahagian di dalam pasar tani ini?

Tuan Luhah Wan: Tuan Yang di-Pertua, sebab-sebabnya tidak sama rata bilangan pasar tani yang sudah terwujud di berbagai-bagai negeri ini ada bermacam-macam sebab, macam di negeri Perlis kita bagi satu, di Negeri Sembilan kita bagi 7, ini bergantung kepada keadaan. Kalau keadaan memerlukan dan kita mempunyai para kakitangan yang cukup untuk mentadbirkan pasar tani di situ, kita harus memberi pertimbangan.

Yang kedua, itu saya tidak berapa sedarlah, saya tidak dapat menafikan kerana hal yang kecil-kecil begini kadang-kadang tidak sampai ke atas, hanya terjadi di bawah sahaja.

Yang ketiga, tolong jelaskan sekali lagi soalan yang ketiga itu.

Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Latif: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang ketiga, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan sedar bahawa ada pemborong mengambil bahagian dalam pasar tani di mana menyekat petani-petani lain untuk menjalankan perniagaan?

Tuan Luhut Wan: Saya kita kalau sebagai pemborong ini jikalau dia seorang petani kita tidak dapat memberi sekatan kerana itu hak dia meniaga hasil pertanian dia di pasar tani. Terpulanglah kepada dia menjual benda itu dengan cara runcit ataupun secara borong mengikut kehendak dia sendiri.

Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyebut tentang kaedah menetapkan harga dan saya ingin mendapat tahu apakah kaedah penetapan harga bagi sayur-sayur atau ikan dan ini juga ada hubungan dengan soalan yang baharu tadi iaitu bagi pihak pemborong turut serta dalam perniagaan pasar tani. *ini*, dia jual lebih murah daripada harga-harga yang ditetapkan kepada petani-petani, jadi saya ingin mendapat penjelasan.

Yang kedua, bayaran sewaan bagi setiap peserta *itu*, sebab ada kedatangan dua tiga lori datang iaitu daripada sayur borongan dengan satu payung yang diberi kepada petani oleh pihak FAMA, apa perbezaannya? Saya minta penjelasan.

Tuan Luhut Wan: Tuan Yang di-Pertua, soal yang pertama itu tadi, Tuan Yang di-Pertua, pihak kita akan membuat siasatan dahulu. Kalau pihak pemborong yang terlibat dalam kawasan ataupun di tempat pasar tani betul-betul petani tempatan, kita beri pertimbangan. Kalau dia mengada-mengadakan diri seolah-olah dia seorang petani tetapi dia bukan petani, dia ambil hasil itu dari sumber yang lain

yang lebih mudah untuk menjejaskan pendapatan para petani ini, kita tidak bersetuju, kerana maksud Kerajaan menubuhkan pasar tani ini untuk meninggikan taraf hidup para petani kita.

Yang kedua itu saya minta notis dahulu. Saya tidak berapa mengetahui keadaan yang sebenarnya dikatakan ada payung semua itu, saya tidak tahu.

MENARIK BALIK SOALAN NO.2

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, saya menarik balik soalan ke 2 ini oleh kerana soalan ini telah dijawab pada hari semalam dan saya puas hati dengan jawapan itu.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Haji Ishak bin Abdul Rahman.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan ke 3.

SAMBUTAN HARI PAHLAWAN

3. Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom [di bawah S.O. 23(2)] minta Perdana Menteri menyatakan sesuai dengan penerapan nilai-nilai Islam Kerajaan akan mengubahsuaikan upacara memperingati perajurit-perajurit kita yang terkorban, hari pahlawan, hari tentera dan lain-lain lagi dengan bersembahyang, bertahlil, membaca Yasin, kenduri aruah di surau-surau dan masjid-masjid bukannya dengan berkumpul beramai-ramai memberi hormat pada batu, meletakkan kalungan bunga yang bertentangan dengan ajaran Agama Islam, jika tidak nyatakan sebab-sebabnya.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor]: Tuan Yang di-Pertua, sejak tahun 1985 telahpun berlaku perubahan iaitu upacara di Tugu tidak lagi diadakan dalam sambutan Hari Pahlawan tetapi sebaliknya diadakan majlis tahlil di Masjid Negara dan lain-lain masjid.

RUMAH PKEN - JUALAN

4. Dato'Haji Zakaria bin Haji Yahaya minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan mengenai kelembapan penjualan rumah-rumah yang dibina oleh PKEN-PKEN:

- (a) bilangan rumah-rumah yang belum dijual mengikut negeri-negeri;
- (b) sebab-sebab kelembapan penjualan itu adakah benar lokasi dan bentuk rumah itu tidak sesuai ataupun lewatnya pemilihan dibuat oleh pihak-pihak yang berkuasa; dan
- (c) sekiranya kedapatan mutu rumah itu rendah dan tidak sempurna apakah tindakan yang telah diambil terhadap mereka yang berkenaan.

Menteri Perusahaan Awam [Datin Paduka Rafidah Aziz]: Tuan Yang di-Pertua:

- (a) Bilangan rumah-rumah yang masih belum dapat dijual oleh PKEN-PKEN sehingga 30hb September 1986 adalah sebanyak 12,784 unit, iaitu seperti berikut:

PKKN	Unit Belum Dijual
Perlis	145 unit
Kedah	69 "
Pulau Pinang	867 "
Perak	514 "
Selangor	9,070 "
Negeri Sembilan	6 "
Melaka	77 "
Johor	419 "
Pahang	301 "
Kelantan	226 "
Terengganu	806 "
Sabah	55 "
Sarawak	229 "

- (b) Kelembapan penjualan rumah-rumah tersebut bukanlah hanya disebabkan oleh lokasi dan bentuk rumah yang tidak sesuai atau kelewatan pemilihan oleh pihak Kerajaan yang berkuasa. Kelembapan ini adalah disebabkan oleh kelembapan pasaran harta secara keseluruhan yang disebabkan oleh kemelesetan ekonomi. Keadaan kelembapan permintaan ini bukan sahaja dialami oleh PKEN-PKEN tetapi juga oleh pemaju-pemaju swasta yang lain.

Bagi meningkatkan pembelian rumah-rumah yang berkenaan, tindakan-tindakan tertentu telahpun diambil seperti menurunkan harga-harga rumah-rumah tersebut serta mengadakan syarat-syarat yang lebih longgar kepada pembeli-pembeli yang berkenaan.

- (c) Sekiranya terdapat mutu rumah yang dibina oleh PKEN-PKEN itu rendah dan tidak sempurna disebabkan oleh adanya kecuaiian oleh mana-mana pihak yang terlibat, tindakan sewajarnya diambil. Sehingga masa ini belum ada kes rumah mutu rendah atau tidak sempurna yang disebabkan oleh kecuaiian kakitangan PKEN sendiri. Sekiranya mutu-mutu rumah berkenaan rendah disebabkan oleh kecuaiian kontraktor, maka tindakan-tindakan akan diambil

berdasarkan kepada peruntukan-peruntukan di dalam perjanjian kontrak yang berkaitan selain daripada menahan 'wang tahanan' atau dengan izin, retention fund, kontraktor-kontraktor yang berkenaan juga akan disenarai hitamkan. Dan kes-kes sedemikian juga akan dilaporkan kepada PUSAKABUMI untuk tindakan sewajarnya.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya mendengar tadi di Selangor ada 9,070 unit yang belum dijual tetapi dari kebanyakan yang saya tahu di daerah-daerah di Selangor ini rumah kos murah yang diperuntukkan kepada rakyat di kampung-kampung di luar bandar tetapi mengapa ini juga lambat sedangkan rakyat menanti-nanti bila rumah ini hendak diberi kunci. Mula-mula kata selepas pilihanraya, setelah lepas pilihanraya pun tidak juga diberi. Di Kampung Sawah, Mukim Bandar, ada satu projek; di Kampung Banting Serdang Belah, satu projek; di Sungai Lang Baru, satu projek; di Tanjong Sepat ada satu projek dan banyak lagi kampung.

Jadi, bila agaknya rumah-rumah ini boleh diberikan kepada mereka yang memohon sekian lama menunggu terutama rumah-rumah murah di bawah \$25,000 ini.

Datin Paduka Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, apa yang Ahli Yang Berhormat kata itu adalah mengenai rumah awam yang sebenarnya rumah kos rendah di bawah \$25,000 tetapi ini tidaklah terlibat dalam rumah-rumah PKEN ini. Yang tidak dijual banyak, sebanyak 9,070 ini sebenarnya bukan rumah awam tetapi rumah-rumah dalam iktiraf kos rendah dan juga ada yang kos sederhana seperti yang terdapat di Banting dan juga seperti yang terdapat di Shah Alam iaitu rumah yang

dibina mengikut kaedah baru seperti sistem industrialised itu, dengan izin. Dan rumah-rumah di PKNS Selangor yang tidak dapat dijual ini ada di antaranya kerana lokasi tidak berapa betul dan keduanya kerana pembeli tidak tampil ke hadapan.

Mengenai rumah Yang Berhormat kata tadi itu agak lain sedikit, ini rumah awam yang diselaraskan pemilihan di peringkat daerah oleh Wakil Rakyat dan sebagainya, ini saya rasa adalah dalam pemerhatian Kementerian Perumahan dan memang dari segi dasar Kerajaan kita telah mengarahkan supaya proses pemilihan pembeli-pembeli hendaklah dibuat dengan segera dan tidaklah patut ada apa-apa kelewatan di mana pihak dalam memberi rumah-rumah ini setelah dapat diperolehi certificates yang sewajarnya dari pihak berkenaan, tetapi itu di luar pihak PKEN. Saya cuma menjawab sahaja bagi pihak Kerajaan.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Tuan Yang di-Pertua, boleh lagi soalan tambahan. Lagi satu.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Di sebelah rumah saya itu ada satu projek rumah pasang siap yang disebut kata projek HICOM. Satu ribu berapa ratus unit sehingga sekarang masih separuh daripadanya tidak laku, ini tidak melalui Wakil Rakyat, tidak melalui temuduga. Siapa yang kata ini rumah HICOM projek berat begitu, pasang siap. \$96,000 yang setingkat yang teresnya \$48,000.

Jadi orang Banting, kelapa sawit jatuh harga, koko tidak ada harga, macam mana hendak beli rumah \$96,000? Itupun dengan ihsan Kerajaan Negeri Selangor sudah turunkan harga \$4,000 sampai

dibuatkan sistem sewa beli, bayarlah \$150 sewa itupun masih banyak lagi yang kosong, lalang naik sudah paras tingkap. Jadi, macam mana hendak memberikan supaya lebih cepat kalau dapat murah lagi.

Datin Paduka Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, agaknya Yang Berhormat kata itu sistem rumah HICOM kerana agaknya cara binaan itu lain sedikit daripada yang biasa agaknya begitu, ya? Bukan HICOM, tidak ada kena mengena **ini**.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Orang sana sebut HICOM Tuan Yang di-Pertua. Saya pun tidak tahu **[Ketawa]** . Rumah ini rumah pasang siap datang sekeping-sekeping siap begitu sahaja.

Datin Paduka Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Agaknya rumah sistem baru itulah. Jadi, kalau rumah yang dimaksudkan itu ialah di Jalan Rubber, Banting, betul saya Yang Berhormat?

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Ya, Jalan Rubber, Banting, sebelah rumah saya, betul.

Datin Paduka Rafidah Aziz: Jalan Rubber, Banting ini ada sejarah istimewa iaitu memanglah ini satu-satunya daripada projek perumahan PKEN Selangor yang saya anggapkan tadi salah lokasi. Ini memang salah lokasi kerana di situ dibina begitu banyak dan begitu mahal, salah tempatnya. Rumah yang sebegitu tidaklah harus dibuat di Jalan Banting kerana macam kata Yang Berhormat tadi, hendak membeli tidak mampu. Itu maksud saya, salah locate. Rumah macam itu mungkin tempat lain patut diletakkan.

Jadi, perkara ini memang telah dalam perhatian saya sendiri, beberapa usaha telah dibuat Yang Berhormat, untuk mengurangkan kos tetapi tidaklah dapat kita kurangkan kos sehingga begitu rugi bagi pihak PKEN dan Kerajaan. Tetapi namun demikian segala usaha yang boleh sentiasa dibuat yang mana hendak sewa dahulu, sewalah dan kemudian kita akan tukarkan sewa itu menjadi sewa beli. Tetapi namun demikian nampak gayanya response atau sambutan daripada orang awam ini tidaklah begitu menggalakkan untuk projek ini, memang diakui kerana pada pendapat kita agaknya salah tempat sedikit rumah sebegitu di situ begitu banyak.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak mengesyorkan selain daripada rumah itu kedai-kedai yang dibuat di situ lebih baik daripada asrama kampus Universiti. Jadi, apa hendak buat dengan kedai-kedai itu boleh dijadikan asrama tambahan, misalannya. Saya tengok takut jadi gajah putih. Di Bukit Canggang sudah ada 30 pintu, sudah tiga tahun tidak laku. Ini di Banting pula, di sebelah rumah Senator pula itu **[Ketawa]**.

Datin Paduka Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja di Banting, Jalan Rubber, tetapi di tempat lain ada juga keadaan begini. Jadi, arahan telah dikeluarkan kepada agensi-agensi awam seperti PKEN supaya di masa hadapan apabila mereka hendak mendirikan rumah-rumah kedai untuk diberi kedai ini kepada orang tempatan hendaklah rumah-rumah kedai ini sesuai dengan kemampuan pekedai-pekedai yang bakal menghuni kedai itu kerana kita tidak mahu melihat gajah-gajah putih dibina.

Arahan sekarang ialah membina jenis rumah kedai yang termampu disewa atau dibeli dan perniagaan yang termampu ditampung oleh peniaga-peniaga tempatan yang ada. Perkara ini tidak akan berulang. Tetapi yang sudah ada itu, insya Allah akan dijual. Hendak dijadikan asrama, saya tidak dapat hendak jamin tetapi kita akan tengok bagaimana boleh kita gunakan dengan manfaat kedai-kedai yang terbiar itu.

Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat tahu kerana ada disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri bahawa 12,784 rumah yang belum dapat dijualkan. Setahu kita rumah-rumah ini tidak ada orang yang tukang beli kerana mungkin terlampau mahal dan baru-baru ini kita ikuti bahawa Yang Amat Berhormat Menteri Besar Selangor sahaja yang mengisytiharkan keturunan harga rumah ini. Bagaimana keadaannya negeri-negeri lain.

Datin Paduka Rafidah Aziz: Sebenarnya mereka buat cuma kadang-kadang, tidak diisytiharkan. Misalnya SEDC-SEDC lain bukan sahaja menurunkan harga rumah tetapi juga telah membatalkan syarat wang pendahuluan 10% masa menandatangani, melonggarkan kuota-kuota antara bumiputera dengan bukan bumiputera dan juga mengadakan skim-skim misalnya penjualan dengan jaminan sewa selain daripada skim sewa beli tadi.

Jadi ada, kadang-kala mereka tidak buat pengumuman mungkin elok agaknya semua Menteri Besar dan Ketua Menteri yang berkenaan mengumumkan seperti Selangor supaya orang tahu semua.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Chan Choong Tak, silakan soalan tambahan.

Tuan Chan Choong Tak: Soalan tambahan. Apakah tujuan asas bagi PKEN untuk bersaing dengan pemaju-pemaju yang lain membina rumah-rumah untuk dijual - kalau tujuan itu ialah untuk mendapat keuntungan, adakah tujuan itu dicapai, kalau tujuannya ialah untuk sosial, adakah tujuan ini dicapai. Kalau tidak, apakah tindakan yang akan diambil oleh Kementerian Yang Berhormat?

Datin Paduka Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, matlamat PKEN-PKEN ini ada dua, yang sosial pun ada, yang ekonomi pun ada, kerana mereka mendirikan rumah-rumah yang berbagai bentuk.

Ada sebahagian besar merupakan rumah-rumah yang dalam tafsiran kos rendah atau kos sederhana, yang memang kalau dibandingkan dengan harga-harga yang pihak swasta bina adalah lebih rendah, tetapi mereka tidak boleh membina rumah-rumah tanpa apa-apa pulangan ataupun keuntungan. Maka ini diperolehi daripada rumah-rumah kos tinggi atau rumah mewah yang boleh di masa-masa lepas memberi cross-subsidy, dengan izin, kepada pembinaan rumah-rumah kos rendah.

Jadi matlamatnya dua, untuk kos rendah, lebih untuk sosial, tetapi untuk rumah-rumah mewah seperti rumah banglo, rumah di kawasan-kawasan bandar dan di pinggir bandar, ianya memang tujuan ekonomi iaitu untuk mendapat keuntungan.

PENGGANTUNGAN KAVIN BARLOW DAN GEOFFREY CHAMBERS

5. Puan Rokiah binti Zainuddin minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah reaksi rakyat Australia dan media massa luar negeri di atas penggantungan dua orang rakyat Australia berkaitan dengan salahguna dadah dalam tahun ini.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Mohamed Yusof bin Haji Mohamed Nor]: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon izin untuk menjawab bagi pihak Yang Berhormat Menteri Luar Negeri.

Hukuman gantung yang telah dijalankan pada 7hb Julai 1986 ke atas dua orang rakyat Australia iaitu Kavin Barlow dan Geoffrey Chambers, kerana kesalahan mengedar dadah, telah mendapat publisiti yang luas dari pihak media di dalam negeri dan lebih-lebih lagi dari luar negeri.

Pada keseluruhannya, laporan-laporan akhbar luar negeri mengenai hukuman mati terhadap kedua-dua pengedar dadah berkenaan adalah secara factual dan objektif.

Banyak akhbar dan lain-lain media massa luar negeri yang menyokong dan memahami keperluan Malaysia melaksanakan hukuman berkenaan.

Beberapa tinjauan yang telah dijalankan oleh pihak akhbar, radio dan televisyen Australia, Australia telah mendapat bahawa sebilanganbesar rakyat Australia menyokong dan bersetuju dengan tindakan Kerajaan Malaysia dalam melaksanakan hukuman gantung ke atas dua orang rakyat Australia ini. Misalnya, sebuah syarikat televisyen Australia, Channel 9, Sydney telah menerima sejumlah besar panggilan yang menyokong hukuman ini.

Rakyat asing khususnya rakyat Australia memahami undang-undang Malaysia mengenai dengan dadah dan mereka juga menyokong undang-undang kita yang tegas memandangkan masalah penyalahgunaan dadah adalah lebih serius di negara-negara Barat dan juga di Australia.

Puan Ainon binti Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, adakah benar bahawa rasa tidak puas hati dan rasa prejudis rakyat atau sebahagian daripada rakyat Australia kepada orang-orang Malaysia masih begitu ketara, umpamanya satu persidangan mengenai dadah akan berjalan di Sydney iaitu Persidangan NGO's yang kesembilan, banyak perwakilan Malaysia tidak berani menghadiri persidangan itu kerana khabar-khabar angin dan kerana ada berita-berita yang didapati oleh pihak-pihak intelligent kita bahawa ia tidak begitu selamat. Adakah ini benar ataupun tidak; dan kalau benar, apakah langkah-langkah yang telah dibuat bagi mengatasinya?

Dato' Dr. Mohamed Yusof bin Haji Mohamed Nor: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tidaklah ketara, kalau sekiranya ketara, sudah tentu perkara itu sampai ke pengetahuan Kementerian Luar Negeri dan saya percaya kalau sekiranya terdapat suara-suara yang mengatakan rasa tidak puas hati, itu sebenarnya merupakan satu perkara 'natural' yang mungkin timbul di kalangan segelintir kecil sahaja.

FAMA - PERANAN DAN PRESTASI

6. Tuan Mohd. Tusof bin Mohd. Nor minta Menteri Pertanian menyatakan adakah Kerajaan berpuas hati dengan prestasi FAMA sehingga hari ini.

Tuan Luhut Wan: Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya, prestasi FAMA setakat ini adalah memuaskan.

FAMA telah ditubuhkan pada tahun 1965, bagi membangun dan memajukan satu sistem pemasaran hasil-hasil pertanian yang cekap dan berkesan, khususnya dalam sektor pekebun kecil di negara ini.

Kerajaan melalui FAMA sentiasa berusaha memperbaiki sistem pemasaran supaya pengeluar-pengeluar menerima harga yang munasabah dan mendapat pulangan setampil dengan usaha-usaha mereka, manakala pengguna-pengguna dijamin bekalan yang bermutu dengan harga yang berpatutan.

Untuk mencapai matlamat tersebut, program dan aktiviti yang dijalankan oleh FAMA adalah meliputi aspek:

- (1) memperluaskan saluran;
- (2) menggabungkan penyertaan para petani dalam pemasaran hasil keluaran mereka sendiri melalui pasar tani runcit dan pasar tani borong yang telah ditubuhkan di beberapa tempat di seluruh negara;
- (3) meningkatkan infrastruktur pemasaran;
- (4) membangunkan kemudahan penyimpanan dan pemerosesan;
- (5) memperkenalkan dan meningkatkan penjualan hasil-hasil pertanian di pasaran dalam dan luar negeri;
- (6) melibatkan diri dalam urusan jualbeli hasil-hasil pertanian bertujuan menyediakan saluran pasaran tambahan kepada petani-petani; dan
- (7) menguatkuasakan skim penggredan dan perlesenan untuk mempertingkatkan mutu keluaran hasil-hasil pertanian demi kepentingan negara dan para petani.

Puan Ainon binti Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, mengikut penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri, sesungguhnya kita rasa sangat bersyukur, bangga dan berterima kasih. Tetapi adakah Kementerian ini sedar masih ada lagi sungutan-sungutan penderitaan disuarakan oleh petani-petani, umpamanya baru-baru ini dikeluarkan oleh media-massa sendiri, di mana harga kelapa, harga sayur-sayuran

dan harga tanaman kontan mereka dibeli dengan harga yang begitu rendah, sedangkan barang-barang yang saraa dijual dengan harga yang tinggi dan mahal dan tidak pernah turun di bandar-bandar. Saya contohkan umpamanya seperti buah kelapa sahaja, dibeli dengan harga dua-tiga sen di kampung-kampung, di pendalaman tetapi di Kuala Lumpur, di Ipoh, di Johor dan di Pulau Pinang harganya masih 50 - 60 sen. Adakah ini juga dalam perhatian atau tindakan Kementerian yang berkenaan?

Tuan Luhah Wan: Tuan Yang di-Pertua, kita dengan daya usaha untuk raenolong para petani, bahkan pihak FAMA demikian pula berusaha dengan gigih untuk menolong para petani.

Sungutan-sungutan itu memang adatlah, yakni kita katakan adat duniawi, dalam keadaan senang pun ada orang bersungut, dalam keadaan yang sukar pun makin bertambah sungutan tetapi kita pun tidak merasa berpuas hati, sungguhpun kita dengan daya usaha sebagaimana yang saya jelaskan tadi, berusaha menolong pihak petani-petani itu. Tetapi memang kita dengan beransur-ansur mencapai strategi ataupun target yang kita maskudkan itu.

Dan mengenai benda-benda yang tidak serupa harganya sebagai buah kelapa yang dicontohkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, kita sedar ini memang berlaku oleh kerana mereka pergi jauh bawa lori besar-besar sampai ke Pulau Pinang, mengambil benda itu dan dibawa ke Kuala Lumpur, tentu belanjanya pun mahal.

Mereka pun susah pula mencari pasaran di Kuala Lumpur, tentulah sekali mereka kira gaji, mereka pergi dan balik dan itulah sebabnya harga itu begitu mahal di Kuala Lumpur.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri pada hari ini sahaja mengapakah harga koko basah di Bagan Datoh \$4.10 satu kilogram, di Kuala Selangor \$3.90, di Johor \$3.70, koko basah di Bagan Datoh \$1.40, di Kuala Selangor dan di Banting \$1.20, di Johor \$1.10. Adakah kerana gred koko Banting, Sabak Bernam, Bagan Datoh dengan Johor tak sama, atautah kerana ada peranan orang tengah yang masih berkuasa mempermainkan lagi petani-petani kita yang bertanam koko? Itu saya ingin mendapat penjelasan,

Tuan Luhut Wan: Mungkin pendapat Ahli Yang Berhormat itupun betul juga dalam perkara tersebut, mungkin ada orang tengah yang mengambil kesempatan untuk mempermainkan pasaran dan juga mungkin gred koko sebagaimana yang disebutkan tadi berlainan, mungkin di Kuala Selangor di tempat beliau bagus sedikit, harganyapun mahal sedikit, di Bagan Datoh barangkali mungkin lebih baik sedikit, ataupun tinggi sedikit di situ. Jadi, saya pun bersetuju tetapi saya tidak sempat menemui pihak FAMA hari inisebelum datang ke Dewan tadi, nanti kita cari dulu.

INDUSTRI INSURANS

7. Tuan Paramjit Singh minta Menteri Kewangan:

- (a) apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk menentukan perkembangan industri insuran di negara ini dengan cergas; dan
- (b) bolehkah Kerajaan menimbang memberi kuasa kepada Bank Negara untuk menyiasat akaun-akaun syarikat insuran.

Timbalan Menteri Kewangan [Tuan Loke Yuen Yow]: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya soalan ini adalah terlalu umum. Walau bagaimanapun, pada keseluruhannya industri insurans telah berkembang cergas dan ini boleh dilihat dari jumlah asetnya yang telah meningkat daripada \$1,200 juta dalam tahun 1976 kepada \$5,400 juta pada masa sekarang. Langkah-langkah utama yang telah diambil untuk menentukan perkembangan yang cergas ini ialah:-

- (i) melalui penguatkuasaan Akta Insurans, 1963, bagi menentukan perkembangan yang teratur;
- (ii) pihak industri insurans sendiri mengadakan peraturan sendiri iaitu "self-regulation", dengan izin, bagi menanamkan disiplin dan amalan-amalan yang beretika; dan
- (iii) meningkatkan profesionalisme melalui latihan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan kuasa yang diberikan oleh Bank Negara untuk menyiasat akaun-akaun syarikat insurans, di sini saya ingin menyatakan bahawa kuasa menyiasat akaun-akaun syarikat insurans adalah terletak di bawah Pejabat Ketua Pengarah Insurans. Oleh kerana penyiasatan boleh dibuat oleh Pejabat Ketua Pengarah Insurans sendiri, soal memberi kuasa kepada Bank Negara untuk menyiasatnya tidak timbul. Walau bagaimanapun, Pejabat Ketua Pengarah Insurans sememangnya bekerja rapat dengan pihak Bank Negara Malaysia apabila perlu, memandangkan sektor insurans mempunyai

hubungan dengan sektor bank. Laporan Ketua Pengarah Insurans atas industri insurans juga dikemukakan kepada Parlimen tiap-tiap tahun.

Timbalan Yang di-Pertua: Tuan Haji Hussein bin Ahmad.

Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Latif: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin membawa soalan No. 8.

USAHAWAN BUKAN BUMIPUTERA KEPADA BUMIPUTERA - KERJASAMA

8. Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Latif [di bawah S.O.23 (2)] minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sejauh mana kerjasama dan sumbangan yang diberi oleh usahawan bukan bumiputera kepada pengusaha-pengusaha bumiputera, sama ada secara hubungan terus atau melalui badan-badan usahawan ataupun perniagaan bukan bumiputera kepada Dewan Perniagaan Bumiputera bagi mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru dan adakah Kerajaan sudah berpuashati setakat penglibatan yang ada itu,

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian

[Tuan M.G. Pandithan]: Tuan Yang di-Pertua, kerjasama dan sumbangan yang diberi oleh usahawan bukan bumiputera kepada usahawan bumiputera memang wujud, terutamanya dalam penubuhan syarikat-syarikat berbentuk usahasama bagi melaksanakan projek-projek perindustrian dan dalam bidang perdagangan. Walau bagaimanapun, kerjasama yang wujud ini adalah diperingkat individu dan sehingga ini tidak terdapat satu organisasi "formal" misalnya antara Dewan Perniagaan Melayu dan Dewan Perniagaan China.

Kerajaan sedar bahawa banyak lagi yang perlu dilakukan oleh usahawan-usahawan bukan bumiputera dan Kerajaan masih belum berpuashati dengan cara penglibatan yang sedia ada pihak Kerajaan, usaha-usaha untuk meningkatkan tahap kerjasama sentiasa diteruskan dengan mengadakan perbincangan dan dialog dengan kedua-dua belah pihak, tetapi adalah terpulang kepada kedua-dua golongan usahawan bumiputera dan bukan bumiputera untuk mencapai persetujuan, persefahaman dan melaksanakan projek-projek industri yang konkrit.

KOPERASI PERUMAHAN - BANTUAN

9. Tuan Loo Swee Mok minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan:

- (i) adakah beliau sedia menolong Koperasi Perumahan supaya mendapatkan bantuan kewangan dripada mana-mana institusi-institusi kewangan untuk melaksanakan perumahan kos rendah; dan
- (ii) dengan cara apakah Koperasi Perumahan boleh mendapatkan harga-harga simen yang paling murah untuk perabinaan.

Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar [Tuan Ng Cheng Kuai]: Tuan Yang di-Pertua, pihak Bank Negara telah mengeluarkan garis panduan kepada semua institusi-institusi kewangan supaya dapat mengaturkan pembiayaan akhir atau, end financing, dengan izin, untuk pembeli-pembeli rumah kos rendah. Melalui program ini pemaju-pemaju rumah kos rendah baik dari Koperasi Perumahan atau pihak swasta diberikan bantuan dari segi pembiayaan akhir bagi pembelinya. Mengikut garis panduan pihak Bank Negara, institusi-institusi kewangan tempatan dikehendaki mengaturkan pembiayaan akhir bagi sebanyak 60,000 unit rumah-rumah kos rendah sebelum berakhirnya tahun 1987. Bagi institusi-institusi kewangan yang tidak mematuhi garis panduan ini mereka akan dikenakan denda.

Bagi menjawab bahagian kedua, Tuan Yang di-Pertua, koperasi perumahan boleh mendapatkan harga-harga simen yang paling murah jika projek-projek yang dijalankan adalah merupakan skim program khas rumah kos rendah yang diluluskan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri. Mereka boleh memohon kepada Pemasaran Simen Negara iaitu agensi pemasaran untuk gabungan 3 buah syarikat pengeluar simen. Harga simen yang ditawarkan ialah \$94 setan harga kilang berbanding dengan harga biasa iaitu \$158 setan harga kilang.

Tuan Loo Swee Mok: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya merasa amat gembira dan menggalakkan selepas mendengar penjelasan yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua: Apakah soalnya?

Tuan Loo Swee Mok: Maka saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah ianya dianggap sebagai perumahan kos rendah kerana ahli-ahli Koperasi Perumahan kami telah memiliki tapak rumah sendiri yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri Pahang Darulmakmur?

Tuan Ng Cheng Kuai: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat pastikan sama ada projek yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Senator itu adalah digolongkan di bawah skim program khas rumah kos rendah dan saya minta beliau rujuk balik kepada Kerajaan Negeri yang berkenaan.

FELDA - SISTEM PEMBERIAN TENDER

10. Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan sama ada beliau sedar ramai kontraktor-kontraktor sangat tidak berpuas hati dengan sistem pemberian tender oleh pihak Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA). Jika sedar, apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil bagi memperbaiki keadaan-keadaan pemberian tender oleh Lembaga tersebut.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah [Dato' Dr. Sulaiman bin Haji Daud]: Tuan Yang di-Pertua, saya memang sedar bahawa terdapat kontraktor-kontraktor yang masih tidak berpuashati dengan sistem pemberian tender oleh Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) khususnya mereka yang tidak berjaya.

Sistem panggilan tender yang diamalkan oleh FELDA sekarang adalah berpandukan kepada peraturan pengiklanan yang ditetapkan oleh PUSAKABUMI, manakala sistem pemberian kontrak dilaksanakan mengikut sebagaimana yang diarahkan oleh Perbendaharaan Malaysia (Bahagian Kontrak dan Bekalan). Pemberian kontrak pada lazimnya dibuat berdasar kepada sebutharga terendah dan berpatutan. Faktor-faktor lain seperti modal, pengalaman, kebolehan dan kelayakan kontraktor juga diambil perhitungan. Sebelum sesuatu keputusan pemberian

kontrak dibuat, keupayaan kontraktor dalam melaksanakan sesuatu projek itu ditentukan terlebih dahulu dalam sesi temuduga.

Penjelasan ini pernah dibincang dalam sesi-sesi dailog dan perbincangan-perbincangan yang telah diadakan dengan kontraktor-kontraktor untuk makluman dan perhatian mereka.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sebagai usaha untuk mempertingkatkan lagi penyertaan bumiputera dalam aktiviti-aktiviti kontrak FELDA selaras dengan Dasar Ekonomi Baru, beberapa langkah yang telah dan akan diambil untuk mencapai matlamat ini telah dilakukan oleh FELDA seperti berikut:

(i) **Penubuhan Unit Penyertaan Bumiputera**

Unit ini ditubuhkan dengan tujuan untuk membantu dan membimbing kontraktor-kontraktor bumiputera dalam urusan kontrak FELDA. Kontraktor-kontraktor yang selalu menyertai tender-tender FELDA tetapi belum pernah berjaya biasanya diberi panduan dan tunjuk-ajar dari segi cara dan kos kerja-kerja yang ditenderkan.

Bagi kontraktor-kontraktor bumiputera yang sedang melaksanakan kerja-kerja kontrak FELDA dan menghadapi masalah, bimbingan-bimbingan sewajarnya diberi supaya mereka tidak ditimpa kegagalan.

(ii) **Kursus Kontrak**

Kursus kontrak diadakan dari masa ke semasa di pejabat-pejabat cawangan FELDA. Tujuan mengadakan kursus ini adalah untuk memperkenalkan dengan lebih dekat lagi tentang prinsip dan pentadbiran kontrak FELDA kepada kontraktor-kontraktor bumiputera.

Sesi-sesi dailog juga diadakan sebagai langkah menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh kontraktor.

(iii) Kontrak-kontrak Bernilai Kurang Daripada \$100,000.

Kontrak-kontrak bernilai kurang daripada \$100,000 adalah ditawarkan kepada kontraktor-kontraktor bumiputera sahaja.

Pentadbiran FELDA juga sedang mengambil tindakan untuk memperkemaskan lagi sistem penilaian tender yang diamalkan sekarang. Keputusan pemberian kontrak akan hanya dibuat setelah pentadbiran FELDA berpuas hati seseorang kontraktor itu benar-benar berkebolehan untuk menjayakan sesuatu projek itu. Ini bertujuan untuk memastikan seberapa yang boleh projek-projek FELDA dilaksanakan mengikut jadual, mengelakkan ataupun mengurangkan kegagalan dan berbagai kerumitan dari segi pentadbiran dan kos tambahan yang akan ditanggung oleh peneroka kelak.

Datuk Nasir bin Haji Manap: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Dalam masalah pemberian tender yang tidak puas hati ini memang dirasakan, terutama sekali yang tidak puas hati kepada mereka yang tidak berjaya ataupun yang tidak mendapat tender itu. Tidakkah boleh dibuat satu sistem asasnya menyenaraikan kontraktor-kontraktor yang boleh ditawarkan dan diberikan secara pengundian dengan bergilir-gilir? Cara ini adakah telah dilaksanakan selama ini atau adakah masalah-masalah yang timbul sekiranya sistem pengundian secara bergilir-gilir ini dilaksanakan?

Dato' Dr. Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-pertua, dalam negara kita ini yang mengamalkan demokrasi, kita mengamalkan juga sistem tender terbuka. Saya sendiri berpendapat jika sekiranya cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat itu diamalkan, mungkin ianya akan menimbulkan banyak lagi kerumitan, terutama sekali daripada segi soal pilih kasih.

KEMALANGAN KERETAPI/KERETA DI IPOH - LAPORAN

11. Tuan G. Rajoo minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) sama ada laporan mengenai kemalangan keretapi dan kereta di Ipoh baru-baru ini telah disiap dan diumumkan kepada orang ramai;
- (b) tindakan yang diambil ke atas orang-orang yang didapati menyebabkan kemalangan ini berlaku; dan
- (c) tindakan yang akan diambil untuk mengelakkan kemalangan di lintasan-lintasan keretapi seluruh negara.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Puan Hajjah Rahmah binti Othman]: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan:

- (a) KTM telah menjalankan penyiasatan awal ke atas insiden ini mengikut kehendak Ordinan Keretapi 1948 dan segala laporan berkaitan dengan penyiasatan ini adalah terhad untuk kegunaan KTM sahaja. Penyiasatan awal yang dijalankan menunjukkan bahawa kemalangan yang berlaku itu bukanlah disebabkan oleh kelalaian atau kecuaiian pihak KTM.
- (b) Walau bagaimanapun, memandangkan siasatan Polis masih belum lagi selesai, maka tindakan terhadap pihak yang bertanggungjawab belum dapat diambil.
- (c) Tindakan-tindakan yang diambil oleh KTM bagi mengelakkan kemalangan di lintasan-lintasan keretapi seluruh negara adalah seperti berikut:

Langkah-langkah Fizikal.

- (i) Pemasangan isyarat-isyarat jalan raya/lampu amaran untuk menarik perhatian pengguna jalan raya dan penjaga get;
- (ii) pemasangan loceng landasan atau, dengan izin, 'track bell' dan alat komunikasi bagi menarik perhatian penjaga get tentang keadaan tren;
- (iii) melengkapkan get-get dengan alat kunci-kait bagi keselamatan;
- (iv) menegaskan kepada pemilik lintasanrata suwa untuk memenuhi syarat-syarat keselamatan seperti termaktub di dalam perjanjian 'indemnity' penggunaan lintasanrata;
- (v) meminda Ordinan Keretapi supaya denda yang lebih berat dikenakan kepada mereka yang menyalahgunakan lintasanrata; dan
- (vi) menggantikan kesemua lintasanrata yang wujud yang akan dibina dengan jejantas atau jalan bawah.

Langkah-langkah Kesedaran.

- (i) Seperti juga Kempen Keselamatan Jalan Raya, punca utama kemalangan adalah terletak di tangan pengguna dan segala langkah-langkah keselamatan adalah mencukupi untuk memastikan lintasanrata digunakan dengan selamat. Namun, segala langkah ini tidak akan membawa kesan selagi pengguna lintasanrata atau pemilik-pemilik lintasanrata suwa enggan memenuhi syarat-syarat keselamatan terhadap penyalahgunaan lintasanrata-lintasanrata KTM.

- (ii) Apa yang lebih diharapkan dari Ahli-ahli Yang Berhormat ialah untuk menasihatkan orang awam supaya mematuhi semua peraturan-peraturan keselamatan yang ditetapkan oleh pentadbiran dan isyarat jalan raya dan tidak mencero bohi dan menyalahgunakan lintasan rata-lintasan rata di seluruh rangkaian KTM.

KEMATIAN BAYI DI TERENGGANU

12. Puan Hasanah binti Haji Mohd. Kassim minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah rancangan yang khusus untuk mengatasi masalah kematian bayi yang berlaku di Negeri Pantai Timur seperti di Terengganu.

Timbalan Nenteri Kesihatan [Dato' K. Pathmanaban]: Tuan Yang di-pertua, dalam usaha untuk mengatasi masalah kematian bayi di negeri-negeri Pantai Timur Semenanjung Malaysia seperti di Terengganu, Kementerian Kesihatan sedang memberi keutamaan yang paling tinggi untuk memperkukuhkan lagi liputan perkhidmatan kesihatan di kawasan-kawasan luar bandar supaya masyarakat luar bandar di negeri-negeri tersebut dapat menikmati perkhidmatan kesihatan asas yang secukup-cukupnyanya. Misalnya, hingga akhir tahun 1985 sebanyak 14 Pusat Kesihatan Besar, 22 Pusat Kesihatan Kecil, 111 Klinik Desa dan 76 Klinik Bidan telah didirikan di Terengganu sahaja.

Keutamaan juga adalah diberi kepada negeri-negeri yang berkenaan dalam penempatan dengan secukup-cukupnyanya pegawai-pegawai dan kakitangan kesihatan yang terlatih, mahir dan berpengalaman. Semua hospital dan pusat-pusat kesihatan yang sedia ada telahpun dilengkapi dengan secukupnyanya bekalan dan alat-alat yang perlu untuk merawat ibu-ibu mengandung dan bayi yang sakit.

Sungguhpun kadar kematian bayi dan ibu bersalin di negeri-negeri Pantai Timur masih tinggi jika dibandingkan dengan negeri-negeri yang lain, kita harus menerima juga bahawa banyak kemajuan telah dicapai. Kadar kematian bayi di negeri Kelantan telah turun dari 58.7 dalam setiap 1,000 kelahiran hidup pada tahun 1965 kepada 24.02 pada tahun 1984; Di Terengganu, angka itu telah turun dari 63.50 pada tahun 1965 kepada 24.09 dan dari 47.22 kepada 19.79 di negeri Pahang.

Berasaskan kepada sebab-sebab kematian bayi yang telahpun dikenalpasti, beberapa strategi khusus sedang dilaksanakan. Misalnya, strategi 'oral rehaidrasi' telah dilaksanakan untuk mengurangkan kematian bayi akibat 'dehaidrasi' daripada cirit-birit. Program kekesanan bayi baru lahir dengan kekurangan enzim G6PD telahpun dimulakan untuk mengurangkan kematian atau kecacatan akibat 'jaundis neonatal'. Rancangan pembekalan air yang selamat di kawasan-kawasan luar bandar dan juga rancangan mengawal penyakit-penyakit berjangkit yang selalu berlaku di kalangan bayi-bayi juga diperluaskan. Rancangan pendidikan kesihatan masyarakat juga dipergiatkan lagi. Rancangan ini ialah bertujuan untuk membolehkan masyarakat memahami asas penting kesihatan dan rancangan-rancangan yang dilaksanakan oleh Kementerian. Melalui rancangan ini masyarakat luar bandar akan dapat menggubal sikap positif dalam menerima pendidikan dan kegunaan kemudahan kesihatan.

Satu strategi baru yang akan dilaksanakan di negeri-negeri Pantai Timur pada tahun depan ialah strategi pendekatan risiko tinggi atau, dengan izin, high risk strategy. Strategi ini bertujuan untuk mengurangkan kematian ibu-ibu bersalin dan bayi-bayi yang lahir dengan satu pendekatan yang menumpukan kegiatan, usaha

dan kelengkapan perubatan kepada ibu-ibu dan bayi-bayi yang dikenali-pasti menghadapi risiko yang tinggi.

Akhir kata, Kementerian Kesihatan sedang mengambil beberapa tindakan untuk mendapat kerjasama dan penglibatan daripada agensi Kerajaan yang lain, daripada pertubuhan-pertubuhan sukarela dan juga daripada golongan-golongan masyarakat di kawasan-kawasan yang berkenaan untuk bersama-sama dengan Kementerian Kesihatan mengatasi masalah kematian bayi yang agak tinggi yang terdapat di negeri-negeri Pantai Timur Semenanjung Malaysia, khasnya di Terengganu. Satu pelan tindakan untuk tujuan yang berkenaan sedang disediakan dan akan dilaksanakan di peringkat tempatan dengan mengambil kira keperluan dan masalah masyarakat tempatan serta sumber-sumber yang sedia ada yang boleh digalak dan digunakan.

Puan Ainon binti Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, diucapkan tah-niah di atas segala rancangan dan tindakan yang telah dibuat mengenai perkara yang begitu penting iaitu kelahiran zuriat. Tetapi adakah pihak Kementerian mengambil tindakan serta-merta dan adakah langkah-langkah positif telah dibuat mengenai aduan-aduan adanya lagi ibu-ibu yang bersalin di atas stretcher, bersalin di dalam bilik air dan juga kadangkala anak yang dilahirkan yang tak patut mati - mati, kerana kelalaian daripada bidan-bidang ataupun jururawat-jururawat. Mungkin kita tidak boleh mendengar jawapan kekurangan doktor lagi kerana dalam masalah bersalin, kes-kes yang normal tidak memerlukan seorang doktor; tetapi memadai seorang yang berkecualan dari hal ehwal persalinan - maksud saya bersalin. Persalinan nanti dianggap bersalin baju pula, tetapi hal ehwal bersalin.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, dua perkara yang saya hendak tegaskan. Pertama, perkara-perkara seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat jarang berlaku. Di rumah pun apabila Ahli Yang Berhormat masak nasi dan lauk kadangkala tambah pula garam. Jadi, berlakulah kesilapan seperti itu, lebih-lebih lagi apabila hospital-hospital kita mengendalikan beribu-ribu kelahiran dalam setiap tahun. Perkara itu memang berlaku tetapi jarang-jarangnya. Ini bukan bermakna bahawa kita tidak mementingkan perhatian yang baik kepada perkara-perkara kelahiran dan semua kesilapan yang berlaku adalah disiasat dengan rapi dan tindakan disiplin dan sebagainya diambil, lebih-lebih lagi tindakan untuk mengatur semula peraturan-peraturan yang membawa kepada kelemahan-kelemahan itu diambil.

Mengenai bayi-bayi yang dilahirkan di lantai dan sebagainya, mungkin pada sekali-sekala begitu ramai ibu bersalin yang datang ke hospital, tidak cukup tempat dan kita menggunakan stretcher, katil pertengahan wad dan sebagainya. Tetapi itupun sedang diatasi.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Puan Hajjah Salbiah.

Puan Hajjah Salbiah bin Mohd. Akim: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri Kesihatan iaitu kepada ibu-ibu yang bersalin di hospital pada masa sekarang ini 24 jam sahaja sudah disuruh balik. Apakah tidak boleh dia tinggal satu, dua hari selepas bersalin kerana ibu itu masih belum kuat. Di Hospital Pulau Pinang lift tak boleh digunakan, kena turun tangga. Jadi, sebelum terjadi satu-satu perkara yang tidak diingini, patutlah kita fikirkan dahulu supaya dia tinggal dua atau tiga hari; sudah sihat sedikit barulah balik ke rumah.

Dato' K. Pathmanaban: Saya ucapkan terima kasih di atas pendapat Ahli Yang Berhormat, tetapi saya hendak katakan bahawa tidak ada pesakit yang discharged daripada hospital termasuk ibu yang bersalin yang tidak layak untuk didischargekan, tetapi jika dipotong nama - orang kata, dia boleh balik ke rumah. Tetapi Ahli Yang Berhormat mungkin tidak tahu bahawa ibu-ibu yang bersalin ini bukan sahaja boleh discharge dalam masa 24 jam, tetapi dalam masa 8 jam pun boleh discharge juga, lebih-lebih lagi kerana kita tidak mempunyai katil yang cukup di Wad-wad Bersalin. Umpamanya di Pulau Pinang, di Kuala Lumpur, keupayaan wad terhad, tetapi kegunaannya tiga kali ganda daripada keupayaan yang dirancang pada asalnya. Jadi, mereka dinasihatkan balik ke rumah, tetapi jika ibu itu berkehendakan rawatan atau perhatian yang lebih lanjut, ibu itu tidak akan dipotong nama.

KEBUDAYAAN KEBANGSAAN - PROSES PEMBINAAN

13. Tuan Ng Ah Poi minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan sama ada Kementerian beliau akan mengambil inisiatif untuk meninjau dan mengkaji kebudayaan berbagai-bagai bangsa di negara ini supaya memilih kebudayaan dari bangsa-bangsa itu untuk dijadikan satu kebudayaan Malaysia campuran yang sempurna.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan [Tuan Wang Choon Wing]: Tuan Yang di-Pertua, usaha meninjau dan mengkaji kebudayaan berbagai kaum di negara ini memang sentiasa dijalankan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Ia dilakukan dengan berbagai cara sama ada penyelidikan biasa mahupun melalui seminar-seminar yang khusus mengenainya.

Kementerian telahpun selesai melaksanakan tiga kali seminar khusus untuk tujuan tersebut, iaitu dua kali dalam siri Seminar Nilai dan Norma Masyarakat Malaysia, satu kali Seminar Nilai Bersama dijalankan dengan kerjasama Kementerian Penerangan. Seminar-seminar tersebut bertujuan untuk mencari unsur-unsur persamaan warisan kebudayaan masyarakat Malaysia dan memperkembangkannya sebagai amalan hidup bersama.

Soal membentuk satu kebudayaan campuran tidak timbul kerana proses pembinaan kebudayaan adalah satu proses penerapan, bukannya proses pengabungan.

Datuk Nasir bin Haji Manap: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah pengwujudan kebudayaan Malaysia memang selalu dititikberatkan berhubung dengan pakaian, tarian, gendang dan pukulan serta sebagainya. Di sini saya hendak mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri dan dijelaskan tadi banyak aktiviti yang telah dilaksanakan. Apakah jenis-jenis kebudayaan selama ini, seperti tarian dan sebagainya telah tergolong dalam kebudayaan Malaysia?

Tuan Wang Choon Wing: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan tarian-tarian memang pada masa ini berbagai kaum di negara ini mempunyai tarian tradisi mereka masing-masing dan tarian-tarian ini merupakan kebudayaan Malaysia juga.

Yang dikatakan Kebudayaan Kebangsaan itu adalah satu matlamat jangka panjang dengan harapan menyatupadukan rakyat melalui Dasar Kebudayaan Kebangsaan ini. Dalam tarian terdapat juga banyak tarian-tarian semasa. Yang sebenarnya tarian-tarian semasa ini ditarikan oleh semua rakyat sama ada orang Melayu, orang Cina atau orang India. Tarian-tarian ini telah mengatasi ciri-ciri kaum. Itu sahajalah penerangan yang dapat saya beri setakat ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut sudah cukup.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 14 hingga 24 adalah diberi di Lampiran "A"]

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1986)****Bacaan Kali Yang Kedua**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". **[4hb Disember, 1986]**

Timbalan Yang di-Pertua: Sekarang saya jeraput Yang Berhormat Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom menyambung perbahasan. Persilakan Yang Berhormat Tuan Haji.

3.38 ptg.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyambung semula perbahasan saya mengenai dengan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan beberapa hari yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, saya terpaksa merujuk balik kepada perbahasan awal kita iaitu setiap Rang Undang-undang yang dibawa ke Dewan ini dinamakan ataupun dibuatkan, "Maka inilah diperbuat Undang-undang oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang" pada sekian-sekian haribulan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyampaikan perasaan dan harapan daripada Ahli-ahli Dewan Negara **ini**, kerana pada petang semalam kita telah mendengar jawapan daripada Yang Berhormat-Yang Berhormat Menteri-menteri di dalam membahaskan Perbekalan untuk tahun 1987. Saya sendiri, selama persidangan semalam, saya tidak keluar, tidak meninggalkan Dewan ini kerana saya hendak mendengar dengan **teliti** jawapan daripada pihak Kerajaan, daripada Yang Berhormat Menteri-menteri, adakah jawapan-jawapan itu merupakan atau memberikan penjelasan ataupun jawapan-jawapan yang diberikan untuk boleh dibahaskan semula untuk mendapatkan penjelasan yang lebih lanjut.

Tuan Yang di-Pertua, daripada perbahasan Perbekalan 1987 selama tiga hari, dijawab oleh Yang Berhormat Menteri-menteri daripada pukul 3.30 petang sehingga pukul 6.30 semalam selama tiga jam. Namun demikian, saya selama tiga jam mengikuti jawapan-jawapan **itu**, ada jawapan-jawapan yang saya merasa puas hati dan saya berterima kasih kepada Kerajaan dan ada jawapan-jawapan yang pada saya masih boleh kita perbetulkan melalui daripada teguran dan nasihat serta kritikan daripada Ahli-ahli Dewan negeri sendiri, kerana saya **per-**caya setiap penutupan, Yang Berhormat Menteri menjawab mengatakan setiap teguran, setiap kritikan yang disampaikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat akan diambil ingatan, akan dipandang berat, akan dipandang serius. Ertinya **ini**, apa yang disampaikan oleh Ahli-ahli Dewan Negara ini sebagai menasihatkan kepada Kerajaan. Setiap undang-undang ini, apabila saya baca, ada perkataan "dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara". Sebab itu sebelum kita meluluskan, sebelum kita bersetuju, kita bercakap, kita membahaskan untuk minta

gambaran yang terang, dan jika sekiranya ada yang kurang betul pada pandangan kita, cuba kita memberikan satu nasihat atau satu teguran yang baik,

Tuan Yang di-Pertua, saya teringat dan saya jumpa rekod Mesyuarat Dewan Negara ini pada 6, 7 dan 8hb Disember, 1983. 6, 7 dan 8hb Disember, 1983 di dalam Hansard ini tercatat ucapan saya selama tiga hari saya bercakap di dalam Dewan ini membahaskan Perbekalan untuk tahun 1984. Apa yang saya sampaikan di dalam Dewan ini, dalam membahaskan Bekalan 1987, selama dua hari saya bercakap, minggu yang sudah, saya masih membangkitkan perkara yang saya cakapkan pada tahun 1983, kerana apa yang saya cakapkan pada tahun 1983 sehingga pada tahun 1986, masih lagi belum berubah. Sebab itu saya ulang balik teguran saya, supaya perkara ini untuk manfaat rakyat, untuk faedah rakyat.

Harapan rakyat itu dapat kita tunaikan dengan sebaik-baiknya, dapat kita tunaikan untuk manfaat rakyat yang menaruh harapan kepada Kerajaan yang dipilih dalam pilihanraya. Harapan rakyat yang bergantung harapan kepada Kerajaan, kepada pimpinan Dr. Mahathir hari ini, harapannya amat besar. Jadi kalau harapan rakyat ini dari setahun ke setahun masih juga belum muncul ke hadapan mereka, seperti saya mempertikaikan masalah projek pembangunan luar bandar, dijawab oleh pihak Kerajaan mengatakan ini tergantung kepada permintaan. Ini rakyat minta jalan, rakyat minta air, rakyat minta api, sudah 25 tahun. Sebab kita kata dahulu, kalau kita merdeka, ini kempen masa hendak merdeka dahulu. Saya kempen dalam pilihanraya tahun 1955, pilihanraya 1959. Kalau kita merdeka kampung kita terang benderang, ada apa elektrik macam bandar. Kalau kita merdeka, jalan kampung kita bagus. Orang Sarawak kata, "cahaya tidak jahat lagi". Jalan kita akan halus, kita pergi kerja senang, anak pergi sekolah senang,

pergi sembahyang Jumaat senang, musim hujan tidak pikul basikal lagi. Ini sudah 25 tahun dahulu. Kalau kita sudah merdeka, bekalan air, "air dalam bosi, api dalam kaco, potik topi tongah menyalo". Ini kita cakap sudah 25 tahun dahulu, tetapi jawapan hari ini mengatakan bergantung kepada permintaan.

Ini sebenarnya rakyat sudah jemu minta. Setiap mesyuarat agung UMNO rakyat minta, setiap mesyuarat agung MCA rakyat di kampung-kampung baru minta, setiap mesyuarat agung MIC rakyat di ladang-ladang minta. Saya kena sebut MCA, MIC sekali. Nanti dikatakan orang Melayu sahaja. Kalau di Sabah dan Sarawak pula, setiap mesyuarat agung SUPP, PBB minta **ini**. Tetapi sekarang juga dijawab bergantung kepada permintaan. Rakyat sudah jemu minta, sebab itu rakyat yakin kepada manifesto pilihanraya tahun 1986 "Tradisi Membela Rakyat". Jadi rakyat tidak payah minta lagi, tradisi membela itu akan berjalan, tidak payah minta-minta. Rakyat tahu projek ini akan dibuat seperti mana saya katakan apabila Perbekalan ini dibahaskan, rakyat menunggu sekarang ini.

Kita dengar pula sekarang ini, hendak menyampaikan projek-projek ini ke kampung-kampung pendalaman disusun pula kampung tersusun, kampung yang terpencil 10, 15 buah rumah hendak disatukan. Ini saya bersetuju dengan projek ini, saya bersetuju dengan rancangan ini tetapi hendak menukar attitude, hendak menukarkan fikiran, naluri pusaka, hendak meninggalkan kampung yang ada pokok duku, yang ada pokok mangga, yang ada pokok langsung itu hendak disusun, hendak dijadikan seperti kampung baru macam taman perumahan, bukan senang. Ini sudah 30 tahun merdeka, hendak mengubah corak jangan duduk di kedai kopi main majung ini pun susah juga. Apa lagi hendak meninggalkan tanah pusaka. Ini yang saya katakan konsep kebudayaan kita sekarang ini kena dibetulkan.

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan bersetuju supaya dilancarkan lagi banyak kerana anak-anak muda sekarang ini perlu kepada kesedaran itu. Radio Malaysia ada satu rancangan, yang menjadi Juruacara atau DJnya ialah "Wak Karto", setiap pukul 12.00 tengahari. Ini orang RTM tolong ambil perhatian betul-betul. Saya dengar tiap-tiap tengahari, saya hendak ke Dewan ini, saya dengar Wak Karto berceloteh, bercakap. Anak muda, anak muda, anak muda. Tetapi itu dikeluarkan pada pukul 12.00 tengahari. Mana ada anak muda dengar. Pukul 12.00 tengahari anak muda yang tidak bekerja ini masih berdengkur lagi. Entah mana dia duduk kita tidak tahu. Kita kena cari siaran yang sesuai, macam mana disebutkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini supaya beberapa rancangan ini disesuaikan dengan masa. Sebab itu saya mengatakan di dalam membahaskan Bekalan Tambahan mengenai JPM dan Penerangan yang banyak diperuntukan mengikut dalam Kertas Perintah 28 ini, Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama, 1986 ini mungkin ada tambahan kedua pula, sebab ini tambahan pertama, mungkin nanti dalam sidang akan datang, ada pula tambahan yang kedua.

Sekarang dalam kertas pertama ini, di dalam perbahasan Perbekalan misalnya, apabila saya menyebutkan mengenai hal ehwal agama, Jabatan Perdana Menteri, saya tahu pegawai-pegawai yang diletakkan di situ bukan untuk hendak dijadikan Juru Dakwah di kampung-kampung dan surau-surau. Tidak layakpun orang ini, orang yang Kategori "A" hendak pergi bersyarah di kampung-kampung, bersuluk, tidak layak. Saya tahu orang ini jadi pegawai penyelidik, pegawai tadbir. Tetapi hasil daripada penyelidikan itu keluarkanlah, ertinya tebarkanlah supaya jadi bekal kepada Juru-juru Dakwah dan Pak-pak Lebai kampung ini yang duduk mengajar di kelas-kelas TAKMIR, yang mengajar di

mengajar di kelas-kelas TAKMIR, yang mengajar di kelas-kelas KEMAS agama, guru agama sukarela supaya mereka ini ada bekal, supaya mereka ini tidak mengajar kitab "Kasyaful Asrar" yang kata Pejabat Agama kitab ini tidak boleh digunakan, tetapi kitab itu masih dipakai.

Kitab Kasyaful Asrar ini yang dikarang oleh ulama 200 tahun dahulu, kata orang yang belajar daripada Fakulti Islam Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, mereka mengatakan Kitab Kasyaful Asrar tidak boleh dipakai, tetapi kitab ini masih dipakai sekarang. Perkara ini sudah diselidik, sudah dikaji, adakanlah satu kita baru untuk mengganti Kitab Kasyaful Asrar itu supaya masyarakat kampung tidak berkecamok, tidak bertelagah. Orang bandar lain, orang bandar punya dakwah lain, pakai necktie, tidak payah pakai baju putih, kain sarung pun dia boleh berdakwah, tetapi di kampung sensitif, Tuan Yang di-Pertua. Hendak berdakwah di kampung-kampung 7000 kampung kita kena jaga, 7000 teras penyokong Kerajaan, kita kena jaga. Setahun dahulu, dua tahun dahulu kita heboh dengan tiga ayat dalam Surah Al Maaidah:

".....Wamallamyahkum bima anzallahu faulaikahumul kafirun."

".....Wamallamyahkum bima anzallahu faulaikahumu zalimun."

".....Wamallamyahkum bima anzallahu faula ikahamuh fasiqun."

Kaji selidik, tidak sampai pun penjelasan itu ke kampung,

Saya ingin mendengar kalau ada Khutbah Jumaat yang menerangkan "Akbarbu Nuzun" ayat ini turun kenapa? Tujuannya supaya orang faham, jadi pengaruh ini berjalan siapa yang menghukum, tidak dengan hukum yang diturunkan oleh Quran, 'Zalim'. Jadi, 'Kerajaan zalim', siapa yang menghukum tidak dengan hukum Allah 'fasik', 'Kerajaan fasik'. Siapa yang menghukum dengan hukum yang tidak ditulis dalam Al-Quran, maka orang ini dikatakan 'kafir', ini 'Kerajaan kafir'. Kenalah 'Menteri-menteri kafir'. Ini berlaku sebelum pilihanraya. Alhamdulillah kerana rakyat yakin kepada

Manifesto Barisan Nasional 'Tradisi Membela Rakyat', hujan yang disangkakan akan turun menjadi banjir tidak ada apa-apa, guruh sahaja di langit kerana Allah masih belum mahu menyebelahi mereka yang menggunakan ayat Quran untuk kepentingan kerusi dan politiknya.

Inilah yang saya sarankan dan saya minta kepada Bahagian Hal Ehwal Agama Islam yang ada beratus-ratus orang, yang keluar daripada universiti, yang dikatakan orang cerdik-pandai, golongan intelek agama ini. Tidak perlu orang yang bercakap masalah wuduk, masalah batal sembahyang, masalah puasa, masalah gugurnya haji dan sebagainya, tidak payah. Ini tok guru kampung sudah ada. Tetapi bagaimana kita hendak menerapkan 'Penerapan Nilai-nilai Islam' di dalam penghidupan? Nanti Menteri akan jawab, sekarang kita akan menerap 'Penerapan Nilai-nilai Islam' di dalam pentadbiran, belum sampai ke dalam alam kehidupan.

Sekarang kita sudah bentuk Bank Islam, kita sudah lulus Rang Undang-undang Takaful, kita hendak bentuk Rang Undang-undang Keluarga Islam. Perkara ini orang tidak tahu. Jadi, siapa yang hendak bercakap masalah Bank Islam hendak minta supaya orang Islam ini semua menyokong Bank Islam, hendak minta supaya orang Islam ini semua menyokong dan memahami masalah takaful. Takkan tok guru kampung tahu masalah takaful, masalah Bank Islam. Orang kampung kata Bank Islam pun main interest juga, main faedah juga, main bunga juga, cuma tukar sahaja dengan itu, dengan ini nama dalam bahasa Arab. Itu kata orang kampung. Ini yang perlu diterangkan, ini yang perlu disampaikan kepada orang luar bandar dan siapa yang hendak menyampaikan ini? Kajian dan penyelidikan-penyelidik di Bahagian Hal Ehwal Agama Islam, Jabatan Perdana Menteri itu. Hasil kajian dan selidikannya itu keluarkan. Takkan itu juga hendak dimasukkan dalam Akta Rahsia Rasmi Kerajaan (OSA) untuk faedah

agama. Kita mahu jadikan supaya Islam itu, ajaran Islam itu difahami oleh rakyat, tolong kaji.

Tuan Yang di-Pertua, Rasullullah dan para Sahabat Khulafak Hurrasidin tidak menjadi penyelidik, dia menjadi 'tabliq' pendakwah, penyampai meneruskan risalah nubuah Nabi

Sekarang kerana kita sudah dijajah sehingga 400-500 tahun terpaksa kita selidik kebagusan Islam itu bagaimana. Kita sudah selidik 30 tahun lamanya. Bahagian Hal Ehwal Agama Islam yang diwujudkan oleh Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman sudah lama, sudah sepatutnya banyak perkara-perkara yang diselidik dan dikaji dan hasil daripada selidikan dan kajian itulah yang saya hendakkan hasilnya.

Bukan saya kata supaya kita bertanding pandai pidato di antara Bahagian Agama dengan pendakwah luar, tidak. Saya tidak kata begitu, sebab dakwah ini, tabliq ini tidak semestinya pada pidato. Dakwah dan tabliq ini letaknya pada 'Contoh dan Teladan' kepada hikmah, kepada kebijaksanaan, sebab itu kita adakan kempen 'Kepimpinan Melalui Teladan'. Kalau kita tidak melaksanakan, tidak menghayati 'Kepimpinan Melalui Teladan' tidak menghayati slogan 'Bersih, Cekap dan Amanah', kita masih teraba-raba. Jadi, kalau ada tambahan, kita pun lulus, kalau ada perbekalan kita pun lulus, tetapi sebagai orang yang bertanggungjawab meluluskan satu sen pun saya hendak tahu, lulus \$1 juta saya hendak tahu, ini hendak meluluskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan yang begini banyak lagi saya ingin tahu. Ini duit sudah belanja, jadi pada tahun hadapan nanti saya akan cakap lagi dalam Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan atau Rang Undang-undang Perbekalan tahunan.

Saya akan tanya lagi Jabatan Penerangan Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan yang diberikan saya tahu. Saya selama 20 tahun berpengalaman dalam Jabatan Penerangan, ada elaun itu, ada elaunini, tugas itu, tugas ini. Yang saya hendakkan supaya tugas itu dilebihkan lagi macam mana caranya supaya dapat penjelasan kepada rakyat disampaikan. Sekarang di dalam setiap daerah, dalam setiap kawasan Dewan Undangan Negeri, di dalam setiap kawasan Parlimen ada 3 atau 4 pegawai yang kerjanya sebagai Juru Penerangan cuma namanya lain, Pembantu Penerangan, Pegawai Hal Ehwal Khas, Pegawai Seranta, kerjanya sama pergi jumpa orang ramai - cakap, pergi jumpa orang ramai menerangkan, tetapi hasrat itu tidak sampai. Saya kata tidak sampai, sebab kita tengok hasil kajian pilihanraya tahun 1986, berpuluh-puluh kawasan orang yang tidak mengundi kepada Barisan Nasional-banyak, selain daripada pengundi benci tidak suka calon itu, ini tentu ada pengundi yang tidak faham sehingga dapat dikelirukan oleh parti-parti politik yang tidak bertanggungjawab, terutama di kawasan bandar di mana pegawai-pegawai yang diletakkan itu ada pusat penerangannya, ada macam-macam. Kalau saya buka masalah penerangan ini panjang, terutama sekali di bandar-bandar, jadi pegawai-pegawai yang ditugaskan itu supaya dibekalkan dengan ilmu pengetahuan, dengan angka, dengan risalah yang baik.

Dalam ucapan saya pada tahun 1984, saya teringat dalam soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri Penerangan pada masa itu, "Adakah Kerajaan bercadang supaya Juru Penerangan ini baik Pembantu Luar atau Pegawai Luar, 10, IFO, CFO atau dia punya pegawai yang di atas dikursuskan lebih lanjut, kalau tidak cukup dalam negeri, luar negeri". Dia kata, ada rancangan hendak buat Pusat Kursus Akademi-

nya di Port Dickson. Jadi saya hendak tahu apa sudah jadi dengan peruntukan itu? Sudah dibuat atau belum, kalau sudah dibuat apa hasilnya?

Tuan Yang di-Pertua, bercakap kepada orang ramai sekarang mengenai pengundi kita di luar bandar ini bukan macam 20 tahun dahulu. Sekarang pengundi di luar bandar itu kalau ada satu perjumpaan dalam satu kampung 2-3 ada orang siswazah yang menganggur sekarang. Dia duduk dekat penjuru Balai Raya, dia duduk dekat balik pintu, dia hendak tengok pegawai yang bercakap. Ini STP berapa banyak? SPM bersepah di merata kampung, kalau kejayaan ini dapat ditembusi, sebab itu saya kata perkataan 'kursus' itu supaya dicari jalan, tanyalah kepada pakar-pakar bahasa, kalau orang sudah jemu dengan bahasa kalimat "kursus", cari satu bahasa lain supaya dapat macam mana 'wajadilhum' 'jidal' dengan tidak merah muka, dengan tidak terbeliak mata, bagaimana peranan kita sebagai rakyat sekarang ini terhadap Kerajaan, terhadap kemelesetan ekonomi sebab sekarang anak-anak kita di kampung-kampung, anak-anak kita di bandar-bandar keluar sekolah lain tidak ada, masalah hendak cari kerja, sekarang kerja tidak ada, yang keluar universiti, yang dapat B.A., yang dapat M.A. entah berapa, yang balik daripada Ohio University pun menganggur sekarang ini - saya tahu. Jadi, bagaimana hendak diberi peranan kepada mereka, apa akan jadi kepada pilihan-raya tahun 1990? Dia kata, "Saya sudah empat tahun menganggur" mempunyai Ijazah Master, B.A. menganggur, B.Sc. bukan B.A. Sastera, Master of Science.

Tuan Yang di-Pertua, ini yang saya fikirkan, bukan masa yang lalu, masa yang lalu tak usah kita fikirkan, itu kita jadikan sebagai teladan sahaja. Masa yang akan datang kita akan fikirkan. Kemudian dijawab lagi, tidakkah pensyarah atau pegawai agama di Jabatan Penerangan ini hendak mengajar wudhu - tidak ada pun Ahli Dewan ini mengatakan macam itu. Kami tahu masalah wudhu ini sudah diajar daripada darjah satu oleh ustaz. Takkan dalam ceramah, kursus Pejabat Penerangan yang disarankan oleh Ahli Dewan ini pun; ini dalam jawapan semalam hendak mengajar 'wudhu' kerana ini ada tugas orang Bahagian Agama, Pejabat Agama Negeri-negeri. Kami tidak sebodoh bercakap macam itu. Maksud kami macam mana Pembantu-pembantu Luar Bahagian Hal Ehwal Khas ini boleh bercakap supaya sesuai dengan nada sekarang ini iaitu penerapan nilai-nilai Islam. Kalau saya bercakap nanti, ada Pembantu Luar yang tidak tahu bercakap, ada Pegawai Luar yang tidak tahu bercakap, sekarang Pembantu Penerangan namanya, hanya tukang alih microphone kalau ada kursus, kalau ada Menteri datang, tukang angkat jenerator, kalau lampu mati sama-sama dengan MCO, mobile cinema operator dan juru tayang gambar. Kalau saya bercakap lagi claim 8 jam betul-betul keluar 4.30 petang balik 12.00 malam, tetapi mana ada ceramah sampai pukul 12.00 malam. Jadi, jangan kami dipermainkan dalam hal macam **ini**. Kalau saya tunjukkan lagi, buruk lagi, banyak buruknya. Saya di luar, saya tidak pakai macam **ini**, di luar saya pakai singlet, saya berjalan merata kampung, saya menengok keadaan dan gelagat dalam Malaysia ini, di mana rungutan rakyat, di mana kemarahan rakyat, apa yang patut kita betulkan, ini yang saya cakap.

Kalau orang kata Dewan Negara ini tidak berguna, tidak berguna pun tidak apa bagi saya, besok saya balik petik kelapa sawit. Kalau Dewan Negara ini orang kata tong sampah, tong sampahlah, pada

saya tidak jadi hal kerana saya biasa kerja sebagai buruh di estet, Tuan Yang di-Pertua.

Tengok, bagaimana dengan 15 juta orang. Dalam negara kita ini pegawai Kerajaan, kakitangan Kerajaan, ada masanya mereka minta gaji. Dalam masa Kerajaan marah pun Perdana Menteri kata tidak mahu jumpu CUEPACS besok atau lusa hendak jumpa CUEPACS, sedia datang berunding. Itu kakitangan Kerajaan, pegawai Kerajaan bahagian A.B.C.D., sementaramalah, pencenlah, ada peluang untuk minta, ada peluang untuk merayu. Tetapi bagaimana dengan kaum tani, bagaimana dengan nelayan, bagaimana dengan buruh gaji yang sekarang hanya \$4.30 sehari, itu fasal kita minta supaya Kementerian Buruh buat skim supaya jangan nanti gaji di estet-estet, di ladang, kalau \$4.50 satu hari atau \$5.00 satu hari, kerja 25 hari bagaimana hendak menyara anak tujuh lapan orang? Tuan Yang di-Pertua, sedangkan buruh kasar Kerajaan yang kelas D pun, buruh Majlis Daerah potong rumput pun \$390 campur lagi dengan elaun perkhidmatan awam \$35. Bagaimana dengan kaum tani, bagaimana dengan nelayan kecil yang hari ini banjir, bah, bagaimana dengan nelayan kecil yang dikacau oleh nelayan-nelayan pukut tunda, bagaimana dengan buruh-buruh ladang sekarang ini? Tuan Yang di-Pertua, ini kita kena fikir. Sebab itu saya memikirkan, sebab itu Ahli-ahli Dewan ini bercakap mengenai perkara-perkara yang seperti itu.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini semata-mata untuk manfaat rakyat, untuk keteguhan negara, untuk keteguhan kita punya kedaulatan dan kemerdekaan. Kita ini bersambung. Kita akan mati besok, lusa tetapi anak kita, cucu kita yang akan mewarisi kemerdekaan ini. Apa kata kalau anak-anak kita besok sudah tidak ada perasaan cinta negara, tidak ada perasaan kasih kepada negara, jadi rakyat ho-ha, ho-ha, ke ulu, ke hilir, hendak jadi apa kita? Kalau pertahanan kita diancam, bagaimana kita hendak mengenalkan semangat cintakan bangsa, cintakan tanahair, nyanyi Negaraku

setiap pukul 8.00 pagi kakitangan Kerajaan boleh, kerana nyanyian itu masuk dalam tugas, ada gaji. Cuba ajar orang kampung nyanyi lagu Negaraku di bawah pokok getah, tengok kalau tak pisau penoreh getah itu makan ke dahi. Tuan Yang di-Pertua, ini orang kampung bercakap. Saya datang dari kampung dan saya akan balik ke kampung. Saya datang dari tanah dan saya akan balik ke tanah.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Perbekalan Tambahan yang dibentangkan ini, saya tidak ada apa-apa dan saya menyokong perbekalan ini untuk diluluskan kerana sudah dibelanjakan, cakap banyak pun duit sudah tidak ada tetapi saya terpaksa bercakap, ini kewajipan saya. Kalau tidak kena-mengena dengan undang-undang ini, dengan undang-undang lain. Dengan perbekalan yang baharu kita luluskan ada hubung kaitnya dan apabila ada hubung kaitnya maka kita kena mere-nung balik, kerana memikirkan balik apakah perbelanjaan atau Belan-jawan Negara. Apakah hasrat dan cita-cita rakyat.

Saya teringat kalau saya baca balik ucapan saya selama 5 jam, dari Johor sampai ke Perlis saya bercakap, takkanlah cakapan ini cakap yang main-main. Saya tengok sendiri, saya pergi sebelum datang ke Dewan mesyuarat, satu-satu persidangan saya pergi berjalan, kerana kami diperuntukkan dengan duit minyak \$150 sebulan itu untuk pergi meninjau, buat tinjauan, berjalan, mencari untuk dibawa ke Dewan ini untuk ditanya kepada pihak Kerajaan. Jadi, kalau jawapan daripada pihak Kerajaan tidak memuaskan, kami tegur, kami nasihat. Macam tadi saya bertanya, kenapa koko di Sabak Berriam lain, Kuala Selangor lain, Banting lain, Johor lain sedangkan benih koko itu datangnya satu yang dibekalkan oleh Jabatan Pertanian melalui Persatuan Peladang. Mengapa boleh jadi koko di Johor dengan koko di Sabak Bernam grednya lain? Mengapa pula apabila sampai ke Bagan

Serai sana grednya lagi lain? Mengapa benih padi macam itu juga? Benih padi yang sama, tanam di sini lain, tanam di sini rebah, tanam di sana makan tikus sedangkan benihnya sudah diakui. Ini semua kita kena tanya.

Apa pula benih getah macam itu juga. Mengapa getah sekarang ini sudah masuk tahun yang kelapan tidak boleh ditoreh kerana ukuran belum ada 17 inci lilit. Baja dibagi, dibersihkan rumput rampai. Mengapa benih yang dikeluarkan yang diakui oleh RRIM ini tidak mengeluarkan susu yang sepatutnya, ini semua kita kena tanya, sebab yang menerima ini 7 juta kaum tani, yang menerima kesan ini 7 juta kaum tani di luar bandar. Mereka pula adalah adik beradik kita, bapa saudara kita, nenek kita, wan kita, bukan orang lain, cubit peha kanan, peha kiri sakit juga.

Kalau ada 800,000 orang kakitangan Kerajaan, kalau satu orang itu ada anak isteri $8 \times 8 = 64$ dia menyelamatkan 6 juta atau 5 juta orang. Lagi 10 juta. Pedagang-pedagang kecil, peniaga-peniaga kecil barangkali ada 3 juta; lagi 7 juta, petani dan nelayan, erti-nya 50%. Kita kena selamatkan mereka ini iaitu petani, nelayan dan buruh. Jadi, mereka ini memerlukan.

Yang mereka minta itulah sebanyak sedikit janji kita, janji Kerajaan, janji kita ini tadi 'Tradisi Membela Rakyat' supaya mereka menunggu-nunggu harapan mereka tidak patah. Caranya macam mana, sebab itulah ada berpuluh-puluh Kementerian, berpuluh jabatan, beribu juta, bilion duit kita belanjakan, minta Dewan ini meluluskan, jadi sebelum diluluskan kita kena tanya, macam mana buat ini dahulu, sudah jadi atau belum. Itu fasal saya tanya mengapa jambatan di Sri Medan tidak siap, sudah 4 tahun. 4 tahun membuat se-

buah jambatan, itu yang saya hairan. Mengapa ini bukan Sungai Sri Medan jauh sangat. Kalau kita ada pertandingan lompat, baru sepanjang pokok kelapa lebih tinggi pokok kelapa buat pertandingan memanjat kelapa muda di Morib kalau ditumbang jadi jambatan. Jadi, mengapa 4 tahun tidak siap, itu yang menjadi masalah. Di mana kelambatan pelaksanaan **ini**. Tuan Yang di-Pertua, itu satu. Banyak kes-kes lain, banyak cerita-cerita lain.

Tuan Yang di-Pertua, kalau saya dibenarkan bercakap tiga, empat hari saya boleh bercakap, saya boleh buka daripada satu daerah kepada satu daerah. Jadi, memadailah kesedaran itu ada pada jabatan-jabatan, kakitangan kita, pelaksana kita melaksanakan dengan ikhlas. Laksanakanlah dengan sebaik-baik hati, jangan menaruh perasaan apa-apa untuk faedah bangsa, negara, tanahair dapat pahala, selain daripada dapat gaji dapat pahala. Selain daripada dapat gaji dapat pula elaun lebih masa, dapat pula elauan T.N.T., dapat pula elaun mileage dapat lagi pahala - syukur. Orang kampung tidak ada, kaum tani tidak ada apa-apa harapan. Kelapa sekarang baharu naik 17 sen satu biji dt Batu Pahat, di Rengit, Senggarang, di Benut, di Semerah baharu naik 17 sen satu biji, tolak upah kait, tolak upah petik, tolak upah mengupiknya, jual kelapa biji laku 5 sen, hari itu 2 sen.

Ini barangkali adanya kempen kelapa muda, saya takut besok apabila kempen kelapa muda berlanjutan langsung kelapa tua pula tidak ada. Apabila di bandar, kelapa tua \$1 satu biji, di kampung langsung tidak ada maka kita tidak makan santan. Apabila kita tidak makan santan hendak lemak korek pula belum siap hendak mengeluarkan banas pati dari minyak kelapa sawit. Jawapan daripada Menteri menyatakan PORIM sudah buat kajian-kajian, kajian-kajian, tidak boleh keluar kepada pasaran kerana ada sebab-sebab barangkali ada masalah minyak diesel itu adalah sebab teknikalnya, tetapi kalau daripada minyak kelapa sawit ini yang sudah dikeluarkan ke pasaran jadikan coklat, jadi gula-gula, biskut, jadi lilin, yang kita sudah pergi melawatnya dahulu, lepas itu isytiharkan keluar daripada batang kelapa sawit boleh jadi beluti, boleh jadi rasuk, boleh jadi pelancar, ertinya kita tidak memerlukan lagi kepada kayu-kayu hutan, batang-batang kelapa sawit itu apabila diawet, direndam dengan sejenis ubat, boleh tahan daripada kulat dan cendawan, boleh jadi kayu beluti yang kuat. Sepatutnya sudah boleh diisytiharkan, macam ini hendak tunggu apa lagi?

Tidakkan hendak tunggu umur kelapa sawit itu umur 60 tahun, pokok kelapa sawit kalau umur 18 tahun pun terasnya sudah kuat. Kalau tidak percaya cuba langgar dengan Proton Saga. Pokok kelapa tombangkah, Proton yang kemek? Itu tanda pokok kelapa sawit sudah ada dia punya teras. Kita tidak usahlah tunggu lama-lama sebab rakyat sudah lama, sudah dengar ini, daripada pokok kelapa sawit boleh jadi itu, jadi ini. Apabila kita balik kampung; bila masanya, cuma cakap sahaja. Jadi kadang-kadang apabila kita pergi kampung duduk kedai kopi, orang kata: alah, cakap sahaja tidak serupa bikin. Siapa yang kena cakap tidak serupa bikin?

Saya sudah lebih cakap daripada bikin dalam Dewan ini. Jadi orang yang buat itu dia kena tak banyak cakap, dia kena banyak bikin supaya jangan ditempelak oleh orang-orang kampung, oleh pengundi-pengundi kita.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana saya rasa saya sudah banyak bercakap. Apabila kita banyak bercakap, banyak salah. Apabila banyak salah, banyak dosa. Saya tahu tetapi oleh kerana kita hendak mengisi masa ini saya bercakap banyak lagi, menyambung lagi ucapan yang tergantung, saya pun tidak tahu sampai mana saya bercakap. Apabila hendak sambung pada hari ini saya pun tidak tahu puncanya terpaksa saya membawa jawapan daripada Yang Berhormat Menteri-menteri hari semalam. Dalam Perbekalan Tambahan ini ada Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Penerangan kerana menghadapi pilihanraya, belanja berapa juta untuk Jabatan Penerangan dalam Kertas Putih ini. Berjuta ringgit kerana membuat risalah, pilihanraya PNTlah, terima kasih kepada Jabatan Penerangan, kerja kuat dalam pilihanraya, baik MCONya, baik FONya, baik FAnyanya semua kerja kuat dalam tempoh dua minggu.

Sebelum itu kerja telah dibuat, kursus, lawatan sambil belajar, sampai tidak ada tempat hendak melawat. Orang kampung dibawa pergi tengok kelapa sawit juga hendak buat apa? Orang Banting dibawa ke Jengka buat apa, yang ditengok kelapa sawit juga, pokok-pokok juga. Sepatutnya dibawa ke tempat-tempat yang macam mana boleh mendatangkan, itu orang penerangan, dia ada bahagian penyelidikan dia. Apabila kita cakap nanti, dia kata: kami sudah selidik ini, memang orang kampung suka pergi ke sana juga, apa hendak buat? Suka pergi tengok Parlimen, tengok Dewan Negara, tengok Zoo, ada monyet yang beranak kembar dia hendak tengok di situ.

Tuan Yang di-Pertua, kemudian mengenai dengan Kementerian Pengangkutan kalau tidak salah saya ada kerana pindah dia minta belanja tambahan, Kementerian Pengangkutan. Masalah pindah itu masalah pindahlah. Masalah suda belanja \$2 juta lebih tidak mengapalah. Tetapi masalah Kementerian Pengangkutan kita hendak cakap. Sudah dibahas dalam Dewan ini - lori laju, lori berat, accident, mati berapa luka berapa. Mengapa berlaku macam ini ada pula kempen keselamatan jalanraya, ada Lembaga Lebuhraya. Sekarang ini kalau kita berjalan lebuhraya ada tiga peronda:

- (i) Ronda Polis biasa;
- (ii) Ronda lebuhraya, kereta putih ada lampu biru;
- (iii) Ronda JPJ, pakai motosikal kelabu.

Setiap hari saya hendak datang ke Mesyuarat Dewan ini hari-hari ada ronda daripada Kelang ke Banting, motosikal kelabu JPJ. Kalau tidak kelabu itu jangan salahkan saya. Tetapi begitulah lebih kurang warnanya, motosikal kelabu. Tetapi yang saya tengok lori yang membawa kelapa sawit lebih daripada dia punya tutup **itu**, masih bawa juga. Itu dia. Pernah berlaku kemalangan masih bawa.

Jadi macam mana yang saya hendak tanya, apa yang dirondanya? Ronda daripada Shah Alam atau daripada JPJ Federal pergi ke Banting sampai ke Morib memang sedap, tengok sana durian selonggok, sini durian selonggok. Sampai Morib ada kepa tetapi saya tidak kata macam **itu**. Tetapi saya masih tengok tiap-tiap hari lori yang bawa kelapa naik busut itu masih bahaya juga dengan tidak ada jaringnya, dengan tidak ada tutupnya. Jangan nanti saya balik kena tahan dekat Batu 5, Kampung Jawa Setia, inilah orang yang banyak cakap bantai

JPJ. Tengok lesen, tengok apa semua. Yang kena motosikal yang kecil-kecil. Ini yang saya marah, marahlah namanya **ini**. Yang ditahan orang yang naik motosikal Honda 50 c.c. hendak pergi kebun bawa itu, itu yang ditahan, suruh letak di bawah pokok kelapa sawit, apa **ini**. Ini lori yang bawa kelapa sawit, lori yang membawa tanah, bawa batu **ini**, kenapa. tidak ditahan? Kalau ditahan ditempat lain, itu saya tidak tahu.

Tuan Yang di-Pertua, yang saya betul-betul memang saya marahlah, yang ditahannya motosikal yang kecil-kecil berbunyi: tet-tet, tet-tet, tet-tet, daripada Sijangkang pergi ke Kebun Baru. Apa ini? Cuba sofistikated sedikit dalam kerja-kerja **ini**. Motor itu besar tengok, kalau boleh kejar, boleh kejar. Volvo - 7 siri pun boleh kejar punya, tetapi yang dikejanya Moris Minor, Peugeot 204 yang sudah hendak kopak body itu yang dikejar. Ha-ha-ha! tepi-tepi-tepi. Pak Haji itupun tengok lalu berkata: Apa halnya ni, kena Cangkap nanti! Macam mana **ini**, tolong betul. Sebab saya nampak JPJ, saya hendak kemari ini saya hendak sebut. Ini masalah Pasar Tani juga. Pasar Tani hendak menggalakkan kaum tani berjual, tetapi sedarkah Ahli-ahli Dewan ini bahawa seolah-olah sudah di-lotkan, ini lot sayur - 7, lot ayam proses - 7, lot ikan air tawar - 7, lot pisang 7. Ini lot ubi pula, lot kueh.

Jadi apabila ada orang hendak berniaga awak tidak boleh, awak sudah tidak ada tempat di sini. Awak kena balik, sedangkan ayam sudah sembeleh, sudah proses. Ini bukan orang tengah semata-mata orang kampung yang hendak memasarkan hasil pertaniannya. Mengapa ini berlaku, tidak usah cerita hal FAMA lagi. Saya pun terima kasih kepada FAMA menyekat kemaharajalelaan orang tengah, tetapi kerana

di Kanchong Darat di tempat saya itu ada kilang proses FAMA yang besar, di Barat Laut sana ada kilang kelapa sawit FAMA yang besar yang pernah terbakar tetapi tidak tahu apa ceritanya. Ini macam-macam jadi, kalau saya hendak ceritakan macam-macam.

Tetapi cuma harapan, saya dan rakan-rakan dalam Dewan ini Tuan Yang di-Pertua, ialah mari kita sama-sama perbaiki. Mari kita sama-sama perbetulkan, kita perbaiki, ingatlah bahawa di kanan kiri kita ini ada dua Malaikat yang menjaga, yang mencatat kelakuan dan tingkah laku kita siang malam 24 jam. Ini orang tidak boleh disogokkan, tidak boleh dirasuah, ini orang tidak boleh dikenyit-kenyit mata, tidak boleh. Ini dua Malaikat yang kita kena jaga. Seperti yang saya katakan mula-mula, supaya rezeki yang kita dapat tadi halal, toyiba - halal dan baik. Halal kalau tidak baik akan sakit perut, baik kalau tidak halal tersungkur. Itu sahaja.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong Akta Perbekalan Tambahan (1986) dengan sebaik-baiknya, duit ini sudah habis dibelanjakan, supaya yang sudah dibelanjakan itu halal, tetapi mana-mana yang tak halal, ada yang sangkut-sangkut tolong taubat, jangan buat lagi, kalau buat lagi, saya akan cakap besok, minta BPR betul-betul bekerja. Sekarang BPR - kalau hendak bercakap mengenai BPR, macam-macam pula nanti, sebab kalau saya sudah mula hendak bercakap satu-satu hal, nanti bersambung-sambung.

Jadi kalau itu masih berlaku besok, saya akan gesa BPR bekerja secukup-cukupnya. Kalau BPR tak cukup kakitangan, panggil kakitangan sukarela, oh banyak orang hendak bekerja dalam BPR - sukarelawan, kalau tak percaya kita pergilah bertanya - mahu awak beri maklumat kepada BPR? Oh, bila-bila orang akan ke depan. Tetapi kerana undang-undang tidak mengizinkan, setakat dengan Pegawai Penyiasat, Penolong Pegawai Penyiasat yang ada sekarang sahaja.

Jadi, kita berharap di situ pun betul-betul bekerja, tidak akan pagar makan padi, tidak akan pagar menimpa padi supaya padi-padi yang ditanam itu dapat berbuah dengan baik, berbuah dengan lebat, lemak manis rasanya. Itulah harapan kita, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, saya berharap supaya di masa-masa yang akan datang, perbelanjaan-perbelanjaan seperti ini dijaga dengan sebaik-baiknya. Kita tahu bahawa dalam setiap jabatan ada unit kawalan tetapi jarum-jarum di situ kadang-kadang tumpul juga, perlu diasah.

Begitu juga gunting yang memotong itu perlu diasah, tajam sangat terpotong juga, apabila terpotong, maka berlakulah belanjawan negara perlu tambahan semacam ini. Kita perlukan Perbekalan

Tambahan (1986) tetapi oleh kerana kita memahami bahawa belanjawan tambahan yang dibuat oleh Jabatan Perdana Menteri dan Jabatan Penerangan yang begitu banyak, juga kepada beberapa hal yang lain kerana kita baru menghadapi pilihanraya umum pada bulan Ogos, kita sedar, maka dengan itu saya menyokong Akta Perbekalan Tambahan (1936) ini untuk diluluskan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Adakah Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain hendak berucap? Sila Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Noor.

4.22 ptg.

Tuan Haji Mohd. Noor bin Haji Abdullah: Bismillahir-rahmanir-rahim. Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Akta Perbekalan Tambahan (1986) yang mana telahpun dibentangkan kepada kita sekalian iaitu berkenaan dengan Maksud B.7 Jabatan Perdana Menteri, B.18 Kementerian Perusahaan Utama, B.46 Jabatan Penerangan, B.56 Jabatan Pengangkutan Jalan dan B.62 Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah.

Kita telah mendengar ucapan-ucapan, teguran-teguran dan pengesyoran yang telahpun dibuat oleh saudara kita Ahli-ahli Yang Berhormat yang telahpun bercakap di dalam masalah Akta Perbekalan tiga hari yang lepas dan pada petang ini, sekejap tadi saudara kita Tuan Haji Shaharom telahpun memberi penerangan kepada kita mengikut pendapat beliau,

Saya dengan ikhlas hati menyokong di atas Akta Perbekalan Tambahan (1986) yang telahpun dicadangkan oleh pihak Kerajaan dan dibentangkan kepada kita pada petang ini.

Pertama, mengenai B.7 Jabatan Perdana Menteri. Sebagaimana yang kita maklum, Jabatan Perdana Menteri ialah satu jabatan yang amat penting sekali kepada negara sebab dari tempat itulah segala-galanya keluar. Cuma apa yang saya hendak bercakap pada petang ini berkenaan dengan Jabatan Perdana Menteri ialah pertama, mengenai Hal Ehwal Agama Islam.

Sebagaimana yang kita sama maklum, Kerajaan kita pada tahun ini telahpun mengisytiharkan, telahpun diputuskan oleh Dewan Rakyat dan Dewan Negara dan telahpun diterima Akta Perbekalan yang dicadangkan oleh Kerajaan untuk tahun 1987, yang mana Perbekalan Tambahan ini adalah sedikit kekurangan daripada biasa oleh kerana sebagaimana yang sama-sama kita maklum, keadaan masa tidak mengizinkan sebagaimana biasa.

Tetapi saya suka bertanya, adakah tujuan kita memerintah ini dan tujuan kita mengadakan perbekalan-perbekalan negara ini semata-mata kerana kita hendak memberi kemewahan, kesukaan, keselesaan sahaja kepada rakyat jelata khasnya dan termasuk diri kita sendiri ataupun kerana ada tujuan yang lain iaitu tujuannya kita hendak menjadikan negara kita ini satu negara yang diredhai oleh Allah s.w.t., kepada orang-orang Islam khasnya di sesebuah negara yang menjadi contoh dan teladan kepada negara-negara yang lain, yang mana keadaan semua rakyat jelatanya berada di dalam negara kita ini adalah rakyat jelata yang berdisiplin dan rakyat jelata yang berperikemanusiaan yang sejati.

Perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, tidak dapat kita hendak membentuk masyarakat ataupun kita hendak membentuk rakyat jelata yang berada di seluruh negara, kecuali lebih dahulu kita mesti membanteraskan perkara-perkara yang tidak patut dan tidak sesuai dengan perikemanusiaan.

Mengikut peraturan perubatan pun sama, tidak ada guna dan faedahnya kita makan ubat, kalau kita tidak berpantang, Jadi dengan sebab itulah saya menyeru kepada pihak yang berkenaan yang berada di Jabatan Perdana Menteri yang bertanggungjawab berkenaan dengan 1.1 Ehwal Agama Islam ini, supaya cuma mengkaji berapakah banyak perkara yang membawa kepada kerosakan akhlak rakyat jelata yang berada dalam negara ini.

Umpamanya, kita katakanlah judi. Memang Islam melarang, agama-agama lain pun melarang, tidak ada satu agamapun di dalam dunia ini yang mengakui atau yang mengatakan judi itu adalah perkara yang patut, perkara yang sesuai bagi mencari kehidupan manusia. Tidak ada. Apatah lagi agama Islam terang-terang mengatakan judi itu adalah satu perkara yang tidak boleh hampir dengan dia, sebab dia akan membawa "baghdha", kepada perseteruan dan kemarahan. Jadi, dengan sebab itulah barangkali tidak menjadi miskin sesebuah negara terutama kita dengan kerana kita tidak mengambil cukai daripada judi ataupun disebabkan kita menghapuskan perjudian sahaja. Dengan sebab judi inilah satu perkara yang membawa kepada rakyat jelata akan menjadikan akhlak mereka kurang baik.

Begitu jugalah, Tuan Yang di-Pertua, di dalam masalah dan perkara-perkara yang lain lagi. Jadi saya berharap kepada pihak Jabatan Hal Ehwal Agama Islam yang ada di bawah Jabatan Perdana Menteri, cubalah memikirkan dan mengkaji beberapa perkara yang dilarang oleh Islam yang tidak patut lagi orang-orang Islam terutamanya bermain, maknanya pekerjaan itu patutlah, kalau boleh dihapuskan, kalau tidak boleh kita hapuskan dengan segera, kita hapuskanlah dengan secara beransur-ansur, insya-Allah rakyat kita akan menjadi rakyat yang baik.

Kedua, di dalam masalah Tabung Haji, ini adalah satu perbadanan yang duduk di bawah Jabatan Perdana Menteri. Alhamdulillah, kita berterima kasih dan bersyukur ke khadrat Allah s.w.t. dan berterima kasih kepada pihak Tabung Haji, kepada pihak Kerajaan kita yang mengadakan Tabung Haji. Dengan sebab Kerajaan kita mengadakan Tabung Haji ini boleh dikatakan kesenangan kepada orang-orang Islam yang hendak menunaikan rukun Islam adalah lebih ketara dan lebih senang daripada sebelum adanya Tabung Haji. Tiap-tiap tahun mana-mana rakyat kita yang pergi menunaikan fardhu haji telah bertambah kesenangan dan keselesaan kepada mereka.

Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, sering kita mendengar bakal-bakal haji yang terkena tipu oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab. Adakah ini kerana mereka pergi dengan swasta ini lebih selesa daripada pergi dengan Tabung Haji? Jawabnya tidak. Tetapi mengikut apa yang kita dengar sungutan-sungutan daripada rakyat jelata, ada dua sebab. Sebab yang pertama pergi dengan swasta ini masanya adalah lama. Mereka boleh pergi di dalam bulan puasa, mereka bermastautin di Mekah pada bulan Ramadhan, dapat mereka beribadat di sana dan dapat mereka menunaikan Umrah di bulan Ramadhan dan seterusnya sehingga sampai kepada bulan Haji. Itu satu daripada sebab kebanyakan orang-orang kampung kita pergi ke Mekah yang kebanyakannya orang luar bandar, boleh dikatakan daripada muda sehingga sampai kepada umur 50 - 60 tahun baharulah boleh pergi sekali, itu pun jarang mereka pergi ke Mekah dengan duit simpanan mereka - tidak. Kebanyakan mereka jual tanah, jual ternakan-ternakan yang mereka pelihara.

Kalaulah dengan simpanan, boleh dikatakan sedikit sangat orang luar bandar dapat menunaikan fardhu Haji walaupun kita kata \$5,000 sahaja, tetapi kepada orang luar bandar, \$5,000 ini adalah banyak.

Jadi dengan sebab itu kalau mereka boleh pergi sekali, mereka mahu pergi duduk lama. Jadi dengan sebab itu, apakah tidak boleh pihak Kerajaan ataupun Tabung Haji berunding dengan pihak Kerajaan Saudi supaya dapat diperawalkan lagi rakyat jelata kita yang hendak pergi ke Mekah itu. Diperawalkan daripada masa yang telahpun kita buat dan dapat kita beri masa yang lama mengikut kehendak mereka. Barangkali kalaulah dapat pihak Tabung Haji membuat perkara ini sama sebagaimana yang dibuat oleh swasta, barangkali kemungkinan tidak ada rakyat kita yang mahu pergi dengan swasta.

Masalah yang kedua, kenapakah mereka pergi dengan swasta. Jawapan mereka kerana perbelanjaannya murah, tidak sampai \$5,000. Ini mengikut apa yang dipercakapkan oleh pihak orang-orang kampung, orang-orang yang pergi dengan swasta, tetapi ini adakah benar ataupun tidak, kita pun tidak tahulah, tetapi mengikut perbelanjaan yang diminta dengan sekali gus oleh swasta itu ianya tidak sampai \$5,000. Mereka berkata tambangnya pun tidak sama dengan tambang yang diambil oleh MAS melalui Tabung Haji. Seolah-olah pergi dengan swasta, umpamanya kalau ada 10 orang lebih dalam satu kumpulan, kapal terbang akan memberi percuma seorang kepada mereka. Jadi dengan sebab ini pihak swasta dapat mengurangkan tambang kepada rakyat jelata. Kalaulah itu benar, adakah tidak boleh pihak Tabung Haji ini menyamakan tambang itu dengan tambang yang dibuat oleh swasta. Sebab ini adalah dasar, dasar kita mengadakan Tabung Haji ini kerana hendak menolong. Itu dasar pokok, dasar pokok yang Kerajaan kita mengadakan Tabung Haji ini adalah semata-mata hendak

menolong rakyat jelata yang beragama Islam yang hendak menunaikan Fardhu Haji ke Mekah. Jadi kalaulah di atas dasar menolong ini patut benarlah, kalau boleh kita mencari jalan supaya serendah-rendah perbelanjaan dikenakan, yang boleh dibelanjakan oleh rakyat jelata, tambahan pula di masa sekarang, di masa keadaan ekonomi meleset, di masa duit yang tidak banyak ini, kalaulah boleh Kerajaan kita berikhtiar berusaha begitu, barangkali pihak rakyat jelata banyak mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Tabung Haji dan pihak Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi berkenaan dengan Tabung Haji ini selepas daripada selesainya mereka balik menunaikan fardhu Haji baru-baru ini, kita ada membaca dalam akhbar-akhbar mengatakan ada segelintir daripada kakitangan pegawai Tabung Haji sendiri yang menjadi agen. Adakah benar ataupun tidak ini wallahhu'alam, tetapi mengikut apa yang disiarkan dalam akhbar, ada ditohmahkan oleh mereka, Jadi perkara ini adakah benar atau tidak, ini wallahhu'alam, tetapi kalaulah sama ada benar ataupun tidak adakah pihak Tabung Haji telah membuat penyiasatan dengan secara teliti atas perkara ini. Kalaulah benar, patut pihak Tabung Haji mengambil tindakan di atas pegawai-pegawai yang membuat perkara ini. Sebab ini adalah menjatuhkan imej Kerajaan dan menjatuhkan imej Tabung Haji sendiri.

Kita berasa malu sebab satu pegawai, satu orang yang diharap oleh pihak Tabung Haji, tiba-tiba menjadi agen sendiri, jadi tolong beri kepada swasta ataupun mencari keuntungan, kalau benar. Walau bagaimanapun, kita berharaplah kepada pihak Tabung Haji tolong menyiasat perkara ini. Kalaupun tidak benar, biarlah perkara ini dan patutlah kita memberi nasihat kepada pihak-pihak pegawai yang bertugas supaya tidak campur perkara ini semoga tidak menjadi kejatuhan imej Kerajaan dan Tabung Haji.

Masalah yang ketiga, kita berterima kasih kepada pihak Jabatan Perdana Menteri mengadakan kelas Taqmir Imarah masjid seluruh negara. Ini adalah perkara yang amat baik sekali. Tetapi sebagaimana yang kita telahpun dengar daripada saudara-saudara kita Ahli-ahli Yang Berhormat telahpun berucap, kita bimbang perkara ini takut disalahguna oleh orang-orang yang tertentu kalaupun kita tidak benar-benar pemilihan itu kena kepada tempatnya. Sebab kalaupun semata-mata kita menyerah kepada Jabatan-jabatan Agama Negeri, kemungkinan besar ada perkara ini diambil, dilantik orang yang kurang setuju dengan Kerajaan. Jadi kalaupun terkenanya demikian, tentulah pagar akan memakan padi. Kita menyuruh dia menyebarkan Islam, suruh mengajar rakyat jelata, dia pergi ke masjid dia maki Kerajaan, dia marah kepada Kerajaan, dia cela kepada Kerajaan. Jadi tidak jugalah berhasil hasrat kita. Kita tidak kira siapa, tetapi dengan syaratnya mereka mesti betul-betul mengajar, tetapi kalaupun tidak terkena orang yang kita pilih, kemungkinan besar perkara ini boleh menjadi dan telahpun ada terjadi perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, Maksud B.46, Jabatan Penerangan. Jabatan Penerangan ialah sebuah Jabatan yang amat ketara, sebuah Jabatan yang amat penting sekali sebab Jabatan inilah satu Jabatan yang boleh dibuat pengukuran oleh rakyat jelata yang ada di seluruh negara bagaimana keadaan kita, keadaan negara kita, ke mana tempatnya akan dituju, sebab sama ada gambar-gambar, filem-filem yang ditayang oleh TV ataupun suara-suara yang dikeluarkan oleh TV, begitu juga oleh Radio, boleh dikatakan keseluruhan negara dapat dilihat dan disaksi oleh rakyat jelata. Dengan sebab itu, kita berharap sebab sekarang pun alhamdulillah, Setiausaha Parlimennya iaitu Yang Berhormat Saudara Ustaz Dusuki kita adalah seorang ahli agama, kelulusan agama, kita berharap kepada pihak Jabatan Penerangan perkara ini akan diatur sesuai dengan keadaan masa sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya pergi kepada Maksud B.62, Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah. Inipun adalah satu Kementerian yang cukup penting yang mana kita berterima kasih kepada Kementerian ini yang mana telahpun dapat memindahkan rakyat jelata kita yang tidak ada mempunyai harta benda di kampung tempat mereka asal dapat memberi beberapa rancangan yang ada di bawahnya berbagai-bagai rancangan FELDA, KESEDAR dan sebagainya. Tetapi walau bagaimanapun, kita berharap kepada pihak Kementerian ini janganlah kita memberi rancangan ini kepada mereka sehinggakan kita mengharapkan mereka itu membuat pertimbangan yang sendiri, dengan tidak kita memberi bimbingan, sebab banyak kita kedengaran orang-orang yang telahpun kita memberi kemudahan kepada mereka, tetapi akhir-akhirnya mereka memaki-hamun dan marah kepada pihak Kerajaan. Dengan sebab itu, selain daripada kita memberi pertolongan wang ringgit, harta benda

kepada mereka, patutlah kita mengadakan memberi penerangan dengan sejarah agama dan sebagainya supaya mereka sedar dan berterima kasih kepada pihak Kerajaan yang telahpun berbudi dan membuat baik kepada mereka, semoga bukan setakat mereka sahaja, anak-cucu mereka kelak akan berterima kasih kepada Kerajaan dan akan memberi sokongan kepada Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja ucapan saya berkenaan dengan perbekalan tambahan ini. Jadi, dengan ikhlas hatinya saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1986). Sekian.

4.48 ptg.

Puan Hajjah Rogayah binti Che Mat: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit di dalam masalah Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1986) ini supaya peruntukan tambahan ini diberi, dirancang betul-betul dan disemak semula peruntukan yang masih ada di tangan masing-masing, baki daripada 1985/86.

Seperti yang kita sedia maklum, Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah misalnya, yang diperuntukkan begitu besar janganlah disimpan peruntukan yang diberi dengan melengah-lengahkan pelaksanaan projek oleh agensi-agensi masing-masing, kerana kalau peruntukan tahun 1984 digunakan untuk menanam koko misalnya, kalau diawasi pelaksanaannya, sudah pasti tahun 1987 sudah dapat mengeluarkan hasil. Tetapi apa yang berlaku, satu-satu pendaftaran yang dibuat bertahun-tahun belum juga pasti kerana mungkin orang-orang yang terlibat lupa bahawa wang yang diberi adalah pinjaman dari luar bagi tujuan pembangunan dan menambahkan hasil dan pendapatan rakyat dan bila ada pulangan, boleh membayar sebahagian hutang negara.

Kalaulah FELDA tidak dimulakan hasil dari rancangan pembangunan negara dan luar bandar pada masa itu, kita tidak tahu apa akan ada pada Malaysia hari ini. Dengan erti kata yang lain, kita bukan sahaja dapat menampung keperluan negara membayar hutang-hutang negara, tetapi bertambah kerana pinjaman digunakan sebagai modal pusingan yang hasilnya akan dapat membayar, sepertimana yang kita kata tadi boleh membayar balik sebahagian daripada hasil yang kita gunakan.

Semasa pelancaran dan pelaksanaan rancangan FELDA di bawah pembangunan luar bandar dahulu begitu bersungguh-sungguh dan hasilnya kita lihat sendiri. Malangnya, kegigihan dahulu tidak disambung dan dilipatgandakan, malahan semangat dahulu sudah pudar, hasilnya makin menurun, hebohnya seluruh negara, hasilnya tidak seberapa.

Peruntukan tahun ini eloklah digunakan sebaik mungkin, mudah-mudahan kita akan jadi sebuah negara pengeluar yang baik, padi dan koko, sawit dan sebagainya kerana untuk membayar hutang tadi.

Saya tidak ingin menyentuh Jabatan-jabatan lain kerana tadi telah disentuh oleh pihak rakan-rakan saya. Itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak ada lagi yang hendak membahas? Jikalau tidak ada, saya jemput Menteri yang berkenaan memberi jawapan.

4.51 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Tuan Loke Yuen Yow]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan-pandangan, teguran-teguran dan cadangan-cadangan terhadap Rang Undang-undang ini. Segala pandangan dan cadangan yang membina akan diberi perhatian yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya bahawa kebanyakan perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat telahpun dijawab oleh Kementerian dan juga saya semasa menggulung Rang Undang-undang Perbekalan 1987 sebentar tadi. Hanya satu, dua perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, khasnya suatu cadangan terhadap Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar yang saya menjawab bagi pihak Kementerian ini.

Tuan Yang di-Pertua, permohonan peruntukan tambahan dalam tahun ini sebanyak \$1 juta di bawah Kepala P.48 bagi Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar adalah untuk projek membina jeep track dari Kompleks Taman Negara di Kuala Tahan ke Kuala Tegoh. Projek ini bertujuan menggalakkan pelancong ke Gunung Tahan di samping

memajukan kawasan di sekitarnya. Projek ini adalah di atas arahan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di mana Kementerian Pertahanan telah menjalankan kajian kemungkinan membina jeep track itu ke kaki bukit Gunung Tanah serta pembinaan kabin-kabin di Kuala Tegoh.

Kajian itu telahpun dijalankan dan hasil daripadanya menunjukkan bahawa projek tersebut akan menelan belanja berjumlah \$2,911,500 dan dijangka dapat dilaksanakan dalam tempoh 3 tahun 7 bulan. Bagi tujuan itu, pihak Perbendaharaan telah meluluskan peruntukan tambahan berjumlah \$1 juta untuk tahun ini kepada Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar di bawah projek Kemajuan Taman Negara. Sehingga ini Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar telah mengeluarkan waran berjumlah \$426,000 kepada Kementerian Pertahanan bagi kerja-kerja pembinaan awal jeep track tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, pihak tabung Hidupan Liar Sedunia Malaysia (WWSN) yang menjalankan kajian kekesanan alam sekitar telah membentangkan beberapa cadangan berkenaan dengan jeep track tersebut. Sebagai sebuah Kerajaan yang berpandangan luas, maka Kerajaan baru-baru ini telah membuat keputusan untuk menggantung buat sementara waktu pelaksanaan projek itu supaya cadangan projek itu diberi pertimbangan semula. Adalah hasrat Kerajaan bahawa segala usaha akan diambil untuk menentukan bahawa alam semula jadi di Taman Negara tidak musnah ekoran daripada aktiviti pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja yang saya ingin memberi jawapan pada saat ini dan sekiranya terdapat apa-apa perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak dijelaskan, saya minta maaf; akan tetapi saya ingin menegaskan bahawa ke semua cadangan-cadangan dan teguran-teguran tersebut telahpun dicatit oleh Kementerian-kementerian yang berkenaan dan tindakan susulan yang sewajarnya akan diambil.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan atas Rang Undang-undang ini dan dengan ini Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan.Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua.

Bacaan Kali Yang Ketiga

Tuan Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 53(2), saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang ini dibaca kali ketiga sekarang.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Kasitah Gaddaml: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong usul ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG BIL PERBENDAHARAAN**(TEMPATAN) (PINDAAN)****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga****4.58 ptg.**

Tuan Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa satu Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Akta Bil Perbendaharaan (Tempatan) 1946 dibaca bagi kali kedua.

Rang Undang-undang berkenaan adalah bertujuan meminda jumlah maksimum **Bil-bil** Perbendaharaan yang boleh dikeluarkan oleh Kerajaan di bawah Akta tersebut iaitu daripada \$3,000 juta kepada \$5,000 juta. Hak berkanun sekarang sebanyak \$3,000 juta yang diluluskan oleh Parlimen pada bulan Julai, 1977 telahpun digunakan sepenuhnya.

Di dalam Rancangan Malaysia Kelima, Kerajaan merancang untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara dengan melaksanakan berbagai projek pembangunan, khususnya projek-projek yang membawa kebaikan kepada orang ramai. Pelaksanaan rancangan-rancangan ini sudah tentu memerlukan jumlah kewangan yang besar daripada Kerajaan.

Salah satu sumber kewangan tambahan yang boleh diperolehi oleh Kerajaan ialah pinjaman melalui pengeluaran Bil-bil Perbendaharaan. Oleh kerana bil-bil ini merupakan sumber kewangan jangka pendek yang boleh diperolehi pada kadar faedah yang rendah, iaitu dalam lingkungan 4% - 5% setahun, adalah wajar bagi Kerajaan untuk terus meminjam melalui pengeluaran bil-bil ini untuk menampung kekurangan tunai jangka pendek yang dihadapi dari masa ke semasa. Memandangkan jumlah pinjaman yang boleh diperolehi oleh Kerajaan di bawah Akta Bil Perbendaharaan (Tempatan) 1946, telahpun mencapai hak berkanun iaitu sebanyak \$3,000 juta, maka hak berkanun tersebut perlulah dipinda sewajarnya untuk memenuhi keperluan kewangan Kerajaan di dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pengeluaran bil-bil ini adalah juga bertujuan memenuhi keperluan kecairan bagi institusi-institusi kewangan. Bil-bil Perbendaharaan adalah merupakan satu instrument kewangan yang penting bagi kegiatan pasaran kewangan tempatan jangka pendek di negara ini. Untuk menentukan supaya pasaran kewangan terus berkembang, jumlah Bil-bil Perbendaharaan adalah perlu ditambah dari masa ke semasa untuk memenuhi keperluan pasaran. Berasaskan kepada kenyataan-kenyataan yang disebutkan di atas tadi adalah difikirkan wajar dan perlu supaya hak berkanun Bil-bil Perbendaharaan yang ada sekarang iaitu, sebanyak \$3,000 juta di naikkan kepada \$5,000 juta.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Kasitah Gaddam]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong usul itu.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta bagi meminda Akta Bil Perbendaharaan (Tempatan) 1946 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

5.03 ptg.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membahaskan suatu Akta bagi meminda Akta Bil Perbendaharaan (Tempatan) 1946 untuk membolehkan diganti dari angka \$3,000 juta kepada \$5,000 juta untuk melancarkan lagi program pelaksanaan Rancangan Malaysia Kelima.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh balik kepada bil ini atau Rang Undang-undang ini yang dibuat dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat. Perkataan nasihat Ini juga akan saya gunakan bagi membahaskan Akta atau Rang Undang-undang ini supaya Kerajaan berhati-hati. Apabila bil ini diluluskan dengan tambahan daripada \$3,000 juta kepada \$5,000 juta, perlaksanaanya nanti kita harapkan supaya tidak seperti mana yang ditimbalkan sewaktu kita dalam masa soal Jawab tadi, rancangan yang dibuat adalah bersabit dengan salah lokasi, salah pilih tempat, jadi ia membazir. Perumahan tidak ada orang hendak beli, kalau dibuat jalan misalannya, kenapa satu kawasan apabila buat jalan, bila enam bulan digunakan maka jalan itu hancur. Ini misalannya. Mengapa Lebuhraya Seremban/Kuala Lumpur yang dijangka boleh tahan sekian tahun tetapi baru beberapa tahun digunakan, kerana korek sana, tampal sana, korek sini tampal sana. Jawapannya kerana di bawah jalan ada air bertakung. Tidakkah pada masa perancangan dahulu difikirkan bahawa di situ ada air bertakung yang boleh menyebabkan tanah di situ akan runtuh, jalan itu akan hancur.

Dalam Rancangan Malaysia Kelima, tentu sekali pihak Kerajaan akan mengkaji sebaik-baiknya, meneliti sedalam-dalamnya setiap satu-satu projek telah difikir, telah dikaji, telah diselidik dari segi ilmu alamnya, ilmu buminya, ketahanan tanahnya, cuacanya, udaranya, ,airnya supaya kita tidak mahu timbul lagi besok surat khabar tulis. bil surat khabar tulis, kita terpaksa tanya. Kalau surat khabar tidak tulis, orang ramai tidak baca, orang ramai tidak tahu. Itu bagusnya surat khabar. Tetapi ada juga tidak bagusnya surat khabar ini. Benda yang kecil ini dibesar-besarkan sampai orang jadi bingung. Pun ada juga tidak bagusnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya rainta maaf tentang perkara itu tadi. Tetapi itu perkara yang sebenar. Misalnya, saya beri contoh mengapa Lebuh raya Timur/Barat daripada Gerik sampai ke Jeli hingga sekarang mengalami kerosakan, sedangkan Juru Perundingnya dipanggil daripada luar negeri, kontraktornya daripada luar negeri, duit itu dikatakan dipinjam dari Bank Dunia. Pinjaman! Apabila pinjam, kita kena bayar. Ini jadi masalahnya, dan sekarang ini hendak menambahkan tambahan pinjaman daripada \$3,000 juta kepada \$5,000 juta.

Semalam kita sudah dengar bahawa kita akan pinjam lagi. Selagi masih ada bank, selagi masih ada negara yang hendak meminjamkan kepada kita, kita pinjam. Sedangkan hutang kita sekarang sudah meningkat, meningkat, meningkat, Apabila rakyat hendak minta sesuatu projek, tunggu permintaan. Jadi duit ini semua apabila hendak digunakan, kena rancang betul-betul. Saya faham ada Jabatan Perancangan. Jabatan Perancangan sudah merancang. Orangnyalah macam Ahli-ahli Dewan Negara yang lulusan sekolah atapi. Mereka ini yang sekolah-sekolah tinggi. Rancanglah sebaik-baiknya.

Apabila sudah dirancang sebaik-baiknya, gunakanlah Bil Perbendaharaan ini, bangunkanlah negara ini dengan sebaik-baiknya, lancar-kanlah program itu dengan sebaik-baiknya. Nasihat Dewan Negara ini sebelum saya menyokong bil ini diluluskan, berhati-hatilah; biar genting, jangan putus, Berhati-hati. Sekarang di luar, di mana-mana saya pergi, bila saya berjumpa dengan kakitangan Kerajaan, mereka bertanya, betulkah Kerajaan hendak bekukan kenaikan gaji? Betulkah Kerajaan tidak akan membayar gaji? Kerajaan kehabisan wang. Saya tanya, mana awak tahu? Ini orang bercerita. Apabila orang bercerita, terpaksa kita bercerita pula. Benarkah ini semua berlaku? Benarkah ini akan berlaku? Kerajaan akan membekukan kenaikan gaji selama tiga tahun, kerana gantung negara, kewangan negara tidak mengizinkan.

Kami Ahli-ahli Dewan Negara ini minta satu bag untuk dibawa ke mesyuarat, tidak diluluskan, Kami tidak bising lagi. Tidak lulus sudahlah, tiada duit. Kami hendak minta tambah sedikit elaun pemandu pun tak dapat. Mana ada pemandu kereta sekarang gajinya \$250. Kami dapat elaun pemandu kereta \$250 tetapi mana ada pemandu kereta hendak gaji \$250. Kami minta tambah. Dijawab, keadaan ekonomi sedang meleset. Tidak apa, tidak tambahpun tidak apa. Selama ini kita pandu sendiri. Tidak jadi hal, sebab duit itu semua kami gunakan kepada derma-derma, derma PIBGnya, derma nadwahnya, derma walkatonnya, derma hari penyampaian hadiah dan sebagainya. Kematian, kematian itu lillahitaala, tidak usah cerita. Derma yang lain-lain ini macam-macam derma, tidak cukup kalau itu hendak didermakan. Kami tiada apa-apa dengan hal itu. Cuma kami berharap supaya wang negara ini sama ada merupakan hasil dalam negeri atau

wang pinjaman, apa lagi kalau wang pinjaman, kenalah berhati-hati mengaturnya, menyusunnya supaya kita tidak terus akan dibelenggu dengan hutang-hutang hingga sekarang ada cerita. Kita bayar ini semua melalui duit hutang.

Hasil kita tidak seberapa kerana jatuhnya harga hasil utama seperti kelapa sawit, bijih, getah, minyak, kita tanya kepada ahli ekonomi, saya pergi ke universiti bertanya, "Saudara sebagai ahli ekonomi, pakar ekonomi, berapa lama kelembapan ekonomi ini boleh pulih? Berapa lama lagi ekonomi negara kita ini boleh stabil balik macam empat lima tahun dahulu, supaya kita boleh berbelanja sesuka hati?" Dia kata, "Tidak boleh hendak ramal. Sampai tahun 1990 pun tidak tahu apa akan jadi,"

Jadi kalau sampai tahun 1990 pakar-pakar ekonomi tidak dapat hendak meramalkan pertumbuhan ekonomi negara kita, ertinya dalam 4-5 tahun lagi mungkin kita akan menghadapi makin genting, makin genting, makin genting. Jadi kita berharap kepada genting jangan putus dan hendak menjaga jangan putus inilah supaya kita minta kempen berjimat-cermat ini, supaya betul-betul dilaksanakan terutama di pihak pelaksanaan Kementerian dan Jabatan Kerajaan.

Rakyat di luar bandar, rakyat di kampung sekarang menerima kalau dia minta apa sahaja sekarang ini, pemimpin besar, pemimpin kecil bercakap, "Tuan-tuan sekarang ini zaman meleset, bersabarlah sehingga ekonomi pulih, saya minta tuan-tuan berjariahlah, beramallah, tolong Kerajaan jangan mengharapkan Kerajaan semata-mata." Orang kampung terima ini semua, orang di luar bandar terima semua ini, dia tidak ada minta-minta lagi sekarang ini, sebab dia tahu negara sekarang dalam keadaan meleset. Orang kata dunia meleset, itu kisah orang tahu baca hal dunia, hal negara meleset, kita bercakap hal negara meleset sehingga orang yang makan gaji dengan Kerajaan, pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan mereka bertanya, betulkah Kerajaan akan bekukan kenaikan gaji ini? Ini kena fikir sama, itupun masih tempat mengadu, kakitangan Kerajaan masih ada tempat mengadu, melalui Kesatuan-kesatuan Sekerja, melalui Tribunal, melalui itu, melalui ini. Tetapi bagaimana dengan orang-orang yang saya sebutkan di dalam perbahasan tadi, petani, buruh, nelayan, pekebun kecil bagaimana akan menghadapinya?

Saya mengharapkan sangat-sangat supaya wang negara ini dapat dibelanjakan dengan sebaik-baiknya, kita tidak mahu sampai satu masa nanti negeri kita menjadi negeri yang hampir kepada muflis. Kita tidak mahu dan kita minta Allah s.w.t jauhkan cubaan yang seperti itu kepada kita.

Tuan Yang di-Pertua, Bil ini amat mudah untuk diluluskannya, tetapi amat payah untuk menjaga dan mengawalinya, mudah untuk diluluskan daripada \$3,000 juta tukar "3" kepada "5", tetapi akibat daripada 3 kepada 5 itu kita kena fikir, kesan daripada \$3,000 kepada \$5,000 juta. Apabila ini diubah tentulah kita menyedari kepada sebagaimana kata Yang Berhormat Timbalan Menteri waktu membentangkan tadi untuk melancarkan program Rancangan Malaysia yang Kelima. Saya bersetuju dengan itu dan apa nasihat daripada Dewan Negara ini ialah supaya wang ini digunakan dengan sebaik-baiknya, jangan sampai salahguna, kita tidak mahu dengar lagi projek-projek mewah, Pada satu masa berapa bulan dahulu, tahun yang lepas kita dengar projek mewah, kita tidak mahu dengar lagi projek mewah, kita tidak mahu dengai lagi projek-projek yang tidak mendatangkan keuntungan, mendatangkan wang kembali kepada projek-projek itu.

Jadi, kalau daripada 3 kepada 5 ini diambil sebahagian daripadanya untuk melancarkan, untuk membebaskan tanah terbiar yang kata satu Kementerian \$565,000, yang satu Kemeterian lain kata \$96,000. Saya pun binggung mendengar. Menteri Pertanian jawab tanah terbiar angkanya lain, Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah jawab tanah terbiar angkanya lain, nanti RISDA jawab lain, Jabatan Perdana Menteri jawab lain, Jadi, mana satu angka yang betul, cuba betulkan, kalau tanah yang terbiar ini ada satu juta hektar, cakap betul-betul, satu juta hektar. Berapa sudah dimajukan, misalnya 10 atau sekian puluh, tadi disebut ada 4-5 projek, 80 hektar, 200 hektar. Kalau duit ini nanti diluluskan \$5,000 juta, dari tahun ke tahun kita mahu nampak hasilnya, jadi kalau tidak nampak hasil projek dalam Belanjawan yang akan datang, kalau minta susah lagi dan kita akan tanya.Kami akan tanya, kami minta butir-

tanya, kami minta butir-butir kenyataannya setakat mana kemajuan, setakat mana pencapaian daripada hasil yang digunakan daripada apa yang telah kita luluskan di dalam Dewan yang tertinggi dalam negara ini.

Kita tidak mahu lagi kita akan disoal, kita tidak mahu akan disoal oleh anak-Anak kita, kita akan ditanya oleh rakyat kita di luar Dewan di mana-mana ada perjumpaan, mengapa keadaan negara jadi macam ini? Ini menunjukkan pemimpin tidak bertanggungjawab, Kerajaan tidak bertanggungjawab, Kerajaan tidak amanah, Kerajaan tidak jujur. Kalau rakyat sudah tertanam dengan perasaan yang semacam itu kita punya cita-cita untuk menjadikan kestabilan politik kita kuat, keharmonian kita kuat, integrasi nasional kita kuat, perpaduan kita kukuh, ini akan hanyut oleh banjir suasana masa, akan hanyut begitu sahaja cita-cita perjuangan kita selama ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya dengan ini menyokong satu Akta bagi meminda Akta Bil Perbendaharaan (Tempatan) (Pindaan) 1986 untuk diluluskan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat.

5.16 ptg.

Tuan Mohd. Yusoff bin Haji Md. Nor: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian dalam membahaskan Rang Undang-undang yang ada di hadapan kita hari ini, iaitu Rang Undang-undang bagi meminda Akta Bil Perbendaharaan (Tempatan) (Pindaan) tahun 1986.

Bagi saya Rang Undang-undang ini dikemukakan kepada Dewan Negara ini ialah untuk mendapat keizinan ataupun kebenaran daripada Dewan ini bagi membolehkan Kerajaan meminjam wang daripada \$3,000 juta yang ada sekarang ini kepada \$5,000 juta, ertinya dengan lulusnya Rang Undang-undang ini, Kerajaan akan diberi kuasa lagi

untuk meminjam wang dengan menggunakan Bil Perbendaharaan (Treasury) sebanyak \$2,000 juta lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa bil ini memanglah perlu mendapat sokongan daripada Dewan Negara ini oleh kerana tujuan Kerajaan meminda supaya Bil ini diluluskan ialah untuk membolehkan Kerajaan mencari wang bagi membelanjakan projek-projek yang dikemukakan dalam Rancangan Malaysia yang Kelima.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyebut bahawa oleh kerana negara kita sekarang ini menanggung hutang yang banyak, saya ingat dalam tahun lepas dalam satu jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan ada mengatakan bahawa hutang negara pada masa itu lebih kurang \$49 billion, terdiri \$19 billion adalah hutang luar negeri dan \$30 billion hutang dalam negeri.

Di dalam mengemukakan Belanjawan tahun ini, Yang Berhormat Menteri Kewangan menyatakan bahawa hutang luar negeri kita sudah meningkat kepada \$40 billion. Saya ingin tahu sama ada kenyataan ini menunjukkan bahawa hutang luar negeri kita telah meningkat dalam masa setahun sebanyak sekali ganda ataupun mungkin kenyataan yang diberikan oleh Menteri Kewangan itu tidak jelas kedudukannya, mungkin dia telah melibatkan hutang-hutang yang dipinjam oleh Badan-badan di luar Budget, mungkin begitu, ini menunjukkan bahawa keadaan kita sekarang ini sudah banyak menanggung hutang.

Saya ingin mengetarakan di sini bahawa daripada wang-wang yang dibelanjakan, daripada wang pinjaman termasuk pinjaman dalam negeri, seperti yang diminta oleh Kerajaan hari ini, saya harap supaya wang-wang itu dibelanjakan dengan cara dan mengikut priority

yang baik supaya dapat daripada projek-projek itu boleh kita membayar balik hutang-hutang yang kita pinjam ini, apabila masanya telah tiba nanti.

Sebenarnya saya faham bahawa hutang-hutang ini dipinjam di atas dasar bahawa kita ada kemungkinan keupayaan untuk membayar balik pada masa hadapan.

Saya faham perkara ini. Tetapi di dalam perkara ini saya minta supaya mereka yang berkenaan cuba bertindak lebih conservative daripada apa yang telah berlaku. Secara jangka pandangan yang lebih jauh sebab masalah negara kita hari ini bagi pandangan saya yang cetek dalam perkara ini, saya rasa masalah ini timbul bukan semata-mata kerana masalah kemelesetan dunia, kemeselehan antarabangsa semata-mata tetapi adalah berpunca daripada kita sendiri.

Saya rasa satu contoh saya boleh kemukakan di sini bahawa dalam masa lebih kurang 10 tahun dahulu, Kerajaan telah mengadakan satu sistem baharu dalam hal pencen, misalnya. Dahulu pekerja-pekerja Perbadanan Local Authority, Majlis-majlis Tempatan, Perbadanan-perbadanan lain tidak diberi pencen. Tetapi oleh kerana Kerajaan pada masa itu menganggap bahawa negara ini mampu untuk membayar semua pencen-pencen kepada kakitangan, pekerja-pekerja sama ada pekerja-pekerja Kerajaan atau semi-government maka kita telah meminda Undang-undang Pencen kita, sehingga menyebabkan dalam tahun lepas kita terpaksa membayar pencen sebanyak \$700 juta.

Saya rasa pada akhir tahun 1990 ataupun pada penghujung abad ini, kalau kita tidak membuat sesuatu mungkin akan meningkat menjadi \$1 bilion untuk bayaran pencen setahun. Tetapi oleh kerana keadaan keupayaan kita sudah nampak tidak begitu terang, kita tidak begitu keupayaan membayar pencen maka kita sekarang telah mengubah dasar kita, sehingga bukan sahaja orang-orang yang dahulunya tidak mendapat pencen ditarik balik pencennya seperti pekerja Perbadanan-perbadanan Berkanun dan sebagainya, pegawai-pegawai Kerajaan juga yang biasanya daripada dahulu kala eligible ataupun layak mendapat pencen terpaksa kita menarik kelayakan ini dalam program Kerajaan akan datang. Ini menunjukkan bahawa dalam masa-masa yang lepas

kita tidak mempunyai jangka pemikiran panjang yang baik, sehingga dalam jangka yang pendek, dalam masa 10 tahun kita terpaksa mengubah dasar kita. Jadi, dengan kerana itu saya mengharapkan bahawa Kerajaan dalam melaksanakan projek-projeknya hendaklah mempunyai jangka masa panjang supaya nanti apabila cukup masanya untuk kita membayar hutang, projek-projek yang kita biayai daripada hutang-hutang yang kita pinjam ini dapat dengan sendirinya dibayar balik hutang itu.

Saya rasa bukan sahaja tugas-tugas ini bergantung kepada ahli-ahli politik, tetapi juga kepada pegawai-pegawai Kerajaan, kerana sebagaimana yang kita tahu Rancangan Malaysia Kelima ini ialah hasilnya daripada idea-idea yang Kerajaan terima daripada pemikiran pegawai-pegawai Kerajaan sendiri. Di dalam hal ini masa pegawai-pegawai, mengemukakan projek-projek hendaklah memikirkan masalah wang yang akan dibelanjakan dan bagaimana wang pulangan daripada projek-projek yang dijalankan oleh Kerajaan itu. Memang setengah-setengah daripada projek-projek itu merupakan projek kemasyarakatan tetapi bukan semuanya begitu. Projek-projek jalanraya misalnya, saya rasa kecewa kerana dasar Kerajaan mengadakan infrastruktur ialah untuk menggalakkan aktiviti ekonomi, untuk membolehkan ekonomi kita itu berjalan lebih lancar, tetapi ada setengah-setengah daripada kes-kesnya ialah kita mengadakan sesuatu projek semata-mata kerana hendak mengadakan projek.

Misalnya, jalan-jalanraya yang kita buat kita tar, kita taruh kayu penghalang supaya lori-lori tidak dapat lalu di atas jalan itu kerana takut jalan itu akan rosak. Ada setengah-setengah tempat oleh kerana keadaan begini terpaksa industri misalnya, industri

bata, batu bata tidak dapat bergerak terpaksa ditutup oleh kerana lori-lori tidak boleh menggunakan jalan-jalan itu lagi. Ini menunjukkan bahawa dasar kita ataupun objektif kita untuk mengadakan projek itu kadang-kadang hilang, kita terlupa mengadakan infrastruktur untuk membangunkan ekonomi kita tetapi kerana kita hendak membuat projek itu terpaksa setengah daripada aktiviti ekonomi terhenti kerana kita sayangkan jalan itu rosak dan sebagainya. Jadi, saya rasa perkara ini pihak-pihak yang berkenaan hendaklah mengambil perhatian, kalau kita membelanjakan begitu banyak untuk membuat jalan misalnya maka kalau wang itu yang dipinjamkan sebagai mana yang diminta oleh Kerajaan hari ini untuk kegunaan Rancangan Malaysia Kelima maka jalan itu yang kita buat ataupun apa-apa projek biarlah betul-betul bolen menggalakkan aktiviti ekonomi kita.

Satu perkara lagi yang saya suka menyentuh ialah masalah implementasi projek-projek ini. Sebagaimana yang kita tahu sekarang ini projek yang lebth daipada \$2 juta adalah diutamakan kepada bumiputera dan daripada \$10 juta untuk kontraktor antarabangsa. Jadi, oleh kerana pinjaman ini ialah pinjaman tempatan, kita minta daipada rakyat negeri ini sendiri untuk menjadi modal kepada Kerajaan, maka saya mengharapkan bahawa pembiayaan daripada pinjaman-pinjaman dalam negeri hendaklah diatur begitu rupa sehingga supaya ianya betul-betul menguntungkan para peniaga atau kontraktor, misalnya, kontraktor dalam negeri itu sendiri supaya wang-wang itu dapat terus mengalir dalam negeri ini. Janganlah kita memberikan kontraktor-kontraktor untuk projek-projek yang dibiayai oleh pinjaman tempatan ini kepada kontraktor-kontraktor asing sebab ini akan menyebabkan kerugian kepada kita,

Jadi dalam perkara ini saya rasa untuk mengakhiri ucapan saya, saya sekali lagi suka meminta kepada pihak-pihak yang berkenaan, terutamanya pegawai-pegawai yang menjalankan projek yang dibiayai oleh pinjaman-pinjaman tempatan ini supaya berhati-hati dan memikirkan pembayaran balik masa depan itu supaya nanti kita tidak akan menjadi negara-negara di Amerika Selatan misalnya. Sekarang ini dibebankan dengan hutang yang begitu banyak, rakyat di negara itu terpaksa menanggung bebanan hutang itu sekarang ini dengan inflasi yang naik begitu cepat sehingga di Amerika tidak dapat mengontrol lagi rate ataupun kadar inflasi di negara itu.

Jadi kita sekarang ini dalam ucapan Menteri Kewangan ada menyatakan bahawa inflasi di negara kita masa ini masih lagi rendah tetapi mungkin inflasi ada untungnya kepada kita, kerana sejarah ekonomi dunia saya rasa adalah sejarah inflasi tetapi kalau kita tidak mahu inflasi langsung tidak boleh juga sebab daripada inflasi itu ekonomi kita boleh bergerak tetapi inflasi, yang tidak dapat dikontrol seperti di negara-negara Amerika Selatan itu, ini menyebabkan keadaan yang rumit untuk mengendalikan ekonomi negara itu.

Jadi bebanan ini bukan sahaja terserah kepada Menteri-menteri tetapi kepada pegawai-pegawai, terutama mereka yang ditugaskan untuk memberi nasihat kepada Menteri-menteri atau kepada Kerajaan, tugas pegawai memberi nasihat yang baik. Kalau nasihat yang diberikan oleh pegawai kepada Kerajaan itu tidak baik, maka hasilnya tidak baik dan rakyat keseluruhannya akan menanggung akibat daripada nasihat yang tidak baik itu.

Jadi kerana itu saya dengan segala rela hati memberi sokongan kepada Bil ini dan saya mengharapkan kepada Menteri yang berkenaan supaya mengendalikan wang ini dengan lebih cermat pada masa akan datang. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Latif.

5.33 ptg.

Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Latif: Tuan Yang di-Pertua saya bangun mengambil kesempatan untuk membahaskan Rang Undang-undang yang dinamakan suatu Akta bagi meminda Akta Bil Perbendaharaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga sebagaimana rakan-rakan saya dalam Dewan ini mengharapkan supaya pihak Kerajaan berjimat cermat di dalam membelanjakan wang rakyat, kita takut apabila tidak mencukupi kewangan, Kerajaan dengan semudahnya memohon untuk meminjam daripada luar negeri. Apa yang kita takut ialah kemampuan Kerajaan untuk membayar balik dengan hasil pendapatan yang ada dalam negara kita ini. Kita takut sebagaimana saudara-saudara saya kata tadi, kita tidak mampu untuk menjelaskan hutang ini nanti.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu juga kita harapkan kepada Kerajaan tiap-tiap ringgit yang dibelanjakan itu hendaklah dapat dinikmati oleh rakyat sepenuhnya. Kita tidak mahu pembaziran berlaku dalara pentadbiran. Sebagai contoh tahun sudah saya membuat persoalan bertanyakan tentang pembaziran projek Endau/Rompin yang telah dibelanjakan sebanyak \$70 juta tetapi projek itu gagal. Jawapan Menteri yang berkenaan menyatakan setelah penyelidikan dibuat maka projek Endau/Rompin untuk ditanam padi tidak boleh dilaksanakan kerana kesesuaian tanah tidak sesuai untuk ditanam padi

dan hendak ditukar pula dengan tanaman kelapa sawit. Inilah yang dikatakan pembaziran setelah kita membelanjakan \$70 juta maka pelaksanaannya tidak dapat. Kelapa sawit tidak memerlukan empangan, kelapa sawit tidak memerlukan taliair. Inilah yang dikatakan pembaziran yang berlaku.

Selain daripada ini, kita dapati juga tentang pembangunan jalan raya, sebagaimana saudara saya sebutkan tadi. Sebagaimana contohnya Jalanraya Karak/Kuantan atau Kuantan/Karak Highway telah diperbaiki tetapi setelah diperbaiki ada pula jabatan yang menggali untuk menanamkan kabel telefon, untuk menanam saluran air paip, untuk menanam kabel elektrik LLN. Apa salahnya jabatan-jabatan berkenaan menyelaraskan satu-satu kerja supaya ianya dapat dibuat dengan sekali gus, tidak merosakkan jalan yang baru diperbaiki itu. Ini juga pembaziran kepada saya.

Begitu juga tentang by-pass Kuantan Port ke Kuantan tidak berapa tahun dalam masa dua tahun jalan ini telah rosak. Ini juga pembaziran. Pembaziran ini saya kira berlaku kerana tidak cukup pengawasan maka kita dapati pihak pengawasan tidak begitu menjaga dalam pembinaan jalan ini. Sepatutnya pihak engineer atau pegawai profesional mesti duduk di kawasan projek itu sendiri supaya ia dapat ditentukan satu-satu projek itu dapat dibina dengan sempurna tetapi kita telah dapati bahawa setengah daripada pegawai profesional kita hanya duduk di pejabat dan melawat kawasan projek itu sekali seminggu atau dua kali seminggu dan ini tidak patut berlaku.

Selain daripada itu, perabaziran juga berlaku tentang kerja lebih masa. Kita dapati masa-masa bekerja, banyak terutama sekali

di kalangan buruh-buruh kita pembaziran berlaku, masa buat kerja mereka tidak buat kerja yang sempurna, Mereka duduk-duduk sahaja tetapi apabila sampai masa time dia sudah habis, barulah mereka membuat kerja dengan harapan mendapat overtime lebih.

Selain daripada **itu**, kita dengar pagi tadi bahawa Menteri **ber**kenaan telah menjawab kenapa rumah-rumah PKEN tidak laku, kerana selain daripada sebab-sebab lain kerana kesesuaian tempat yang tidak sesuai didirikan rumah-rumah maka tidak ada pembeli-pembeli yang minat membeli rumah itu. Di Pahang sahaja, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan beribu rumah kedai telah dibuat oleh PKEN Pahang tidak dijual kerana mereka membuat rumah-rumah kedai ini tidak meneliti terlebih dahulu keperluan satu kawasan **itu**. Kemampuan pembeli di kawasan itu sebagai contoh di Baloh sebiji rumah kedai pun tidak boleh dijual kerana di Baloh itu ada beberapa buah kedai orang-orang bumiputera yang cukup menampung keperluan di kawasan itu dan kemampuan pembeli pun tidak ada. Maka pihak PKEN Pahang telah mendirikan berpuluh-puluh buah rumah kedai sehingga hari ini tidak ada pembelinya. Tnilah pembaziran-pembaziran yang berlaku. Kita harap di masa-masa yang akan datang apa juga rancangan Kerajaan untuk membuat pembangunan kepentingan rakyat haruslah berhati-hati dan meneliti dan menyiasat keperluan-keperluan yang sebenar di kawasan-kawasan yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada **itu**, kita juga berharap pegawai-pegawai Kerajaan apabila merancang satu-satu pembangunan janganlah memikirkan tentang ingin melihat kesenangan sahaja tanpa

memikirkan keperluan yang sebenarnya.

Umpamanya, kalau kita mengadakan lebuh raya, pada saya tidak perlu kita mengadakan banyak sungai lebuh raya di dalam negara kita ini. Jalan yang ada inipun cukup, sudah memadai dan sudah sampai kemana sahaja tempat yang kita hendak tuju.

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Mohd. Nasir Manap.

5.40 ptg.

Datuk Nasir bin Haji Manap: Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri di sini bersama-sama dengan rakan-rakan yang lain untuk membincangkan bersama berhubung dengan suatu Akta bagi meminta Akta Bil Perbendaharaan (Tambahan) 1946.

Sebagaimana yang kita ketahui daripada peruntukan yang diperlukan sebanyak \$3 ribu juta, diperlu tambah sehingga \$5 ribu juta.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah mendapatkan peruntukan yang begitu banyak, saya suka menjelaskan kedudukan dalam negara kita yang sedang mengalami berbagai masalah, khususnya dalam perhutangan dan walaupun kita mengatakan terlibat ataupun tertakluk kepada inflasi dunia, di sini saya suka menyarankan dahulu agak kita merasakan hasil-hasil negara kita ini, kita boleh bahagikan kepada tiga jenis hasil utama.

Yang pertama sekali, keluaran minyak. Yang kedua, getah dan ketiga, bijih timah. Dalam hal penghargaannya barang-barang yang dikeluarkan oleh negara kita ini, barangkali pada mulanya kita telah menjangkakan tidak akan berlaku pemerosotan harga yang kita jual daripada barangan-barangan yang ada. Misalnya, bagi minyak disel yang kita dapat hasilkan daripada negara kita, kita telah merangkakan satu penjualan yang agak berharga iaitu satu barrel agak lebih \$20, tetapi dengan masalah-masalah hubungan dengan dunia lain, maka harga itu telah menurun dan kadang-kadang kita merasakan daripada pengeluaran perbelanjaan yang kita laksanakan, jika dijual mungkin kita tidak dapat untung yang kita harapkan.

Dan begitu juga kita merasakan dalam segi penghasilan getah dalam negara kita, dan walaupun kita telah ada pakatan di antara negara-negara yang menjual getah, tetapi kita juga tertakluk kepada pembeli-pembeli getah dunia. Jadi kita rasakan, negara kita tidak boleh menentukan harga yang patut kita jual pada asasnya dapat ditentukan oleh negara-negara yang lain. Dan begitu juga dari segi penghasilan bijih timah dan sebagainya. Dalam masalah penurunan harga yang kita merasakan penurunan secara mendadak, maka ini satu di antaranya kita merasakan hasil daripada negara kita telah berkurangan dari semasa ke semasa.

Oleh sebab hasil daripada negara kita berkurangan dari semasa ke semasa, dan kita juga telah berhutang daripada negara-negara yang lain, maka pendapatan yang kita rangkakan tidak sebegitu rupa dan hutang telah ada, maka bertambahlah hutang kita dari semasa ke semasa. Dalam masalah untuk mendapatkan pertambahan daripada peruntukan yang diberikan **itu**, maka itulah satu daripada asasnya yang dikehendaki kita berbuat demikian.

Tuan Yang di-Pertua, saya merasakan dalam usaha Kerajaan kita yang boleh membuatkan kita berhutang dari semasa ke semasa, saya berharap kepada Kementerian-kementerian yang berkenaan, yang pertama sekali haruslah mengkaji dengan **teliti** hasil kewangan negara kita. Adakah sekarang kita masih berhutang dan adakah hutang bertambah dari semasa ke semasa.

Kalau kita merasakan bahawa kita sekarang masih berhutang dan akan terus berhutang lagi dari semasa ke semasa, mungkin di satu masa yang akan datang, bukan sahaja kita susah hendak membayar hutang, bahkan bunga ataupun faedah untuk kita membayar balik hutang kepada negara-negara yang tertentu, mungkin menjadi masalah.

Jadi apabila kita menyatakan kita perlu berhutang, maka semestinya rakyat dalam negara kita ini mesti membayar, cara macam mana ataupun membayar secara tak langsung supaya hutang-hutang yang kita alami itu akan dijelaskan dari semasa ke semasa.

Saya memang sedar masalah hutang ini sebagaimana yang dijelaskan oleh rakan-rakan saya tadi, ada banyak membolahkan kita terus berhutang dari semasa ke semasa.

Selain daripada itu kita tidak menjangkakan harga-harga barangan kita yang merosot harganya dengan tidak diketahui lebih awal. Dalam masalah untuk menjaga supaya hutang itu tidak bertambah, saya merasakan Kerajaan telah mengambil perhatian yang begitu sungguh-sungguh untuk menjaga supaya hutang negara kita tidak bertambah besar dari semasa ke semasa.

Misalnya, membuat satu undang-undang yang baru, bagi orang-orang yang telah berpencen yang tidak akan menerima pencen lebih daripada satu pencen.

Ini sesungguhnya satu usaha yang baik dibuat oleh Kerajaan untuk mengelakkan negara kita terus berhutang dari semasa ke semasa dan akan bertambah. Dan banyak usaha-usaha yang lain lagi seperti projek-projek yang perlu dilaksanakan ataupun dalam rancangan yang hendak dibuat pada tahun hadapan telah dihentikan dan tidak dapat dilaksanakan.

Jadi kita sedar Kerajaan juga memang mengambil perhatian yang bersungguh-sungguh bagi menjaga supaya negara kita tidak berhutang dengan begitu teruk dari semasa ke semasa.

Dalam hal ini, saya suka menarik perhatian apakah perkara-perkara yang agak membolehkan negara kita ini berhutang dengan begitu banyak, selain daripada jangkaan harga barangan kita kita menurun yang tidak dijangkakan, Satu di antaranya kita telah membuat berbagai projek yang begitu menggembirakan rakyat, tetapi di antara projek-projek yang menggembirakan rakyat, ada di antara projek-projek yang akan memusnahkan perbelanjaan ataupun wang negara kita yang kita mesti tanggung sampai bila-bila masa.

Di sini saya suka menarik perhatian satu di antaranya dalam masalah pembinaan-pembinaan, misalnya, Jambatan Pulau Pinang yang menelan belanja beratus-ratus juta ringgit, tetapi bukan sahaja kita boleh membayar faedahnya untuk membiayai pinjaman itu, bahkan kita hendak membayar bunga sekalipun agak sukar. Ini terpaksa Kerajaan menanggung hutang atau terpaksa membayar hutang yang dipinjam dari semasa ke semasa, ini tidak boleh mengurangkan hutang kita dari semasa ke semasa.

Dan dalam masalah ini, saya merasakan sekarang Kerajaan perlu mengambil perhatian sebarang projek yang hendak dilaksanakan mestilah mengkaji adakah projek itu satu projek yang menggunakan wang yang tidak akan dapat kembalikan hasilnya. Misalnya, kalau kita membina sebuah pejabat, bangunan untuk pejabat Kerajaan dan sebagainya, barangkali perbelanjaan yang kita gunakan itu tidak akan dapat balik wang yang kita belanjakan, tetapi kita memberikan kebaikan kepada rakyat, ataupun kepada pekerja-pekerja sebagai tempat tinggal mereka yang agak lebih selesa.

Dan selain daripada itu, adakah projek itu apabila kita laksanakan dapat pulangan wang balik. Misalnya, kalau kita melaksanakan satu projek perbekalan air, sama ada di bandar, sama ada di kampung, itu kita harus kajikan dari segi projek itu sama ada dapat balik wang daripada perbelanjaan yang kita laksanakan. Kerana apabila kita membuat perancangan perbekalan air paip dan sebagainya, apabila air telah dimasukkan ke rumah-rumah ataupun kilang-kilang, maka kita akan dapat pulangan balik daripada perbelanjaan itu seperti dalam masalah projek elektrik dan sebagainya.

Dan satu lagi barangkali projek yang kita laksanakan itu kita belura tahu lagi adakah projek itu akan mendatangkan keuntungan kepada kita, adakah projek itu boleh menjadi rugi kepada kita. Misalnya, dalam masalah kerja memperbesar atau mewujudkan satu perkilangn motokar seperti Proton Saga dan sebagainya. Ini harus kita kaji, adakah projek ini boleh menguntungkan ataupun merugikan. Kalau sesuatu projek kita agak belum tahu lagi sama ada boleh mendatangkan pulangan keuntungan ataupun kerugian, maka saya mencadangkan sebarang projek yang kita fikirkan satu projek yang besar yang memakan belanja beratus ataupun beribu-ribu juta ringgit, harus kita berunding dan bekerjasama dengan pihak-pihak lain sama ada kerajaan-kerajaan tertentu sebelum kita melaksanakan sesuatu projek itu.

Misalannya, kalau kita berkehendakkan satu modal yang mana kita boleh menentukan hak kita, kita boleh mengatakan projek ini agak sesuai, boleh menguntungkan, kita mahu 51% yang terdiri daripada modalan Malaysia dan selain daripada itu kita berilah kepada negara-negara ASEAN seperti Singapura, Indonesia, Filipina dan sebagainya. Ertinya apabila kita melaksanakan projek yang besar ini, walaupun kita mendapat kerugian, agak negara-negara lain juga menempah kerugian. Tetapi kalau kita dapat kerjasama dengan pihak-pihak yang tertentu, maka semua negara-negara yang terlibat dalam masalah pembangunan ini mencari jalan bagaimana hendak mewujudkan atau mengusahakan projek yang beratus-ratus juta ringgit ini tidak menjadi rugi.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan mengurangkan perbelanjaan bagi negara kita, saya suka menitikberatkan dalam masalah pengambilan mahasiswa-mahasiswa di universiti. Kita sedar memang rakyat dalam negara kita ini berkehendakkan pelajaran yang tinggi sampai ke peringkat universiti, bahkan sesiapa juga berkehendakkan anak-anak mereka sampai ke peringkat universiti.

Adakah pengambilan mahasiswa sehingga ke peringkat universiti itu memerlukan bagi keperluan negara kita dan dalam masalah memerlukan keperluan negara kita ini harus kita kaji, Misalnya kalau kita hendak mewujudkan bahagian pelajaran sebagai doktor, adakah pelajaran doktor ini perlu dan berapa ramai agaknya yang diperlukan, khususnya dalam negara kita ini. Dalam pelajaran engineering, agak berapa ramai yang diperlukan atau lain-lain. Jadi apabila kajian ini dilaksanakan dari masa ke semasa, kita jangan begitu hairan, kita jangan begitu malu mengurangkan kemasukan mahasiswa-mahasiswa universiti itu berpandukan kepada keperluan negara khususnya. Kalau kita tidak membuat kajian itu kita

memberikan beberapa ramai sahaja yang kita perlukan, misalan di sesebuah universiti, mungkin satu diantaranya kita mengalami perbelanjaan yang begitu banyak kepada mahasiswa-mahasiswi yang belajar di universiti, kepada pekerja-pekerja dan sebagainya. Dengan sebab itu harus dari sekarang kita mengkaji sama ada perlu kita mengurangkan bilangan mahasiswa di universiti itu ataupun sama ada harus kita laksanakan beraskan kepada keperluan negara kita dari masa ke semasa.

Satu lagi saya cuma menarik perhatian kepada Tuan Yang di-Pertua. Dalam keadaan sekarang, kita sedar ada berpuluh-puluh ribu mahasiswa dan siswi yang tidak bekerja. Ini satu beban juga kepada Kerajaan dan kita pun sedar Kerajaan mengambil tanggungjawab ini dengan menempatkan pelajar-pelajar ataupun siswa-siswi yang telah lulus di tempat-tempat yang tertentu atau di pejabat-pejabat dengan bayaran gaji yang agak sederhana dan boleh diterima buat masa sekarang. Inipun satu usaha yang kita rasa tidak sesuai, kerana kalau pengambilan mahasiswa yang telah lulusan daripada universiti tidak diletakkan kepada satu tahap gaji yang sesuai, sampai bila kita hendak melaksanakan kaedah ini dan apa halnya kepada mahasiswa yang akan keluar dari setahun ke setahun. Kalau kita tidak dapat mengambil sepenuhnya kepada mahasiswa-mahasiswa ini, maka saya rasa kita telah berlebihan kepada mahasiswa-mahasiswa dari masa ke semasa, mungkin dalam 5 atau 6 tahun lagi masalah ini akan ternyata. Walaupun di saat sekarang ianya tidak begitu ternyata, tidak tetapi boleh diketahui, tetapi kalau benda ini tidak dapat diatasi dari masa ke semasa, ia akan dapat dikenali dalam sekurang-kurangnya 4 atau 5 tahun akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya suka menarik

perhatian dalam masalah untuk mengurangkan perbelanjaan Kerajaan. Kita menghantar ramai mahasiswa belajar ke universiti dan kebanyakannya kita telah memberikan kepada mereka dalam bentuk biasiswa, dan apabila kita memberikan dalam bentuk biasiswa, ini agak satu cara pemberian ataupun pengeluaran wang kepada satu peringkat yang kita tidak akan dapat kembali. Kalau dalam masalah negara kita ini sedang dalam inflasi dan ekonominya masih tergugat, maka saya mencadangkan sebarang biasiswa yang hendak diberikan kepada mana-mana pihak perlu dibatalkan sekarang dalam satu jangka masa yang tertentu, Mungkin apabila sampai tahapnya negara kita telah boleh memberikan biasiswa kepada pelajar-pelajar, sama ada pelajar-pelajar di universiti dalam negeri atau luar negeri, maka kita boleh menentukan satu tahap sampai negara kita telah pulih ekonominya, maka kita bolehlah memberi biasiswa ini balik kepada mahasiswa-mahasiswa yang akan belajar di peringkat yang tinggi.

Untuk kita menggalakkan supaya pemuda-pemuda kita meneruskan pelajaran ke peringkat universiti, kita boleh menentukan semua bantuan yang dikehendaki oleh mahasiswa dan siswi di mana-mana universiti adalah dalam bentuk pinjaman. Jadi dalam bentuk pinjaman ini, kita boleh longgarkan sama ada pinjaman ini ialah pinjaman yang tidak berbunga ataupun pinjaman yang tidak dikenakan faedah kepada peminjam-peminjam yang memerlukannya, khususnya kepada rakyat yang miskin di dalam negara kita ini. Kalau kita membuat satu peraturan memberikan pinjaman tanpa faedah, ini juga kita telah menolong kepada mahasiswa-mahasiswa kita untuk meningkatkan pelajaran ke universiti.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa setakat itulah yang dapat saya sampaikan di Majlis ini, maka dengan ini saya menyokong Rang Undang-

Undang yang dibentangkan yang bernama suatu Akta bagi meminta Akta Bil Perbendaharaan (Tempatan) 1946. Terima kasih.

5.57 ptg.

Puau Hajjah Rogayah binti Che Mat: Tuan Yang di-Pertua, untuk keluluskan Bil Perbendaharaan tambaban hampir sekali ganda agak berat, kerana kita tidak yakin kepada kemampuan kita dalam membayar balik, sebab di dalam keghairahan kita memandang ke Timur, meminjam juga di Timur dan membayar pula ke Timur, apakah orang-orang kita dalam memandangkan ke Timur melihat kegigihan orang-orang Jepun bekerja sanggup berherapas pulas mereka bangun untuk membangunkan negara.

Kita tahu Jepun bangun. dari kehancuran. Tetapi kita bangun dari pengambilan alih dari pentadbiran penjajah kepada mentadbir sendiri yang sepatutnya kita sudah boleh berdikari, kttta sepatutnya mampu mengeluarkan bahan-bahan makanan seperti beras, jagong, lain-lain bijian, sayur-sayuran dan buah-buahan. Takkanlah selama ini kita asyik mengkaji, menganalisa dan seterusnya mengandaikan ke atas kertas. Apakah kita sedar sampai untuk makan, kita membeli beras hari ini pun kita berhutang.

Sampai bila akan terus kita berhutang dan akan dibayar berlipat-ganda, lebih-lebih lagi dalam keadaan kita terdesak sekarang, seolah-olah sudah jatuh ditim\pa tangga.

Dalam ekonora kita merosot, beban hutang faedahnya naik meningkat berganda. Menyedari hakikat inilah saya bersetuju di tahun-tahun yang akan datang sebelum kita meluluskan, eloklah kita lihat prestasi pelaksanaan projek melalui wang Jepun yang kita pinjam, etika kerja Jepun juga kita pakai, mudah-mudahan sikap kita juga turut berubah. Insya AHah, sekiranya kesedaran ini sudah wujud, kita tidak rela diri kiLa terbelenggu hingga boleh membawa kepada maruah bangsa kita dan negara kita tergadai dan kita menangis air mata darah sekalipun tidak akan dapat memberi apa-apa pengertian lagi.

Untuk **itu**, marilah kita sama-sama mengusahakan terus-menerus segala perancangan projek yang lama diatur. Pandangilah masa-masa yang silam yang kita tinggalkan sebanyak masa yang begitu merugikan dan bangunlah mengatur langkah untuk mara, berjimat-cermat dan mengandakan usaha kita, semoga kita akan jadi sebagai satu rupa tenaga bangsa yang raerdeka dan berdaulat.

Saya menyokong, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau tiada Ahli Yang Berhormat hendak membahas, saya jemput Timbalan Menteri berkenaan memberi jawapan.

6.02 ptg.

Tuan Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, izinkanlah saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada AhLi-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian untuk membahas Rang Undang-undang **ini**. Segala cadangan, teguran dan nasihat yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat akan Kerajaan kita memberikan perhatian yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terimakasih kepada Yang Berhormat Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom yang telah memberi nasihat kepada Kerajaan. Mengikut nasihat beliau, Kerajaan akan mengambil berat tentang nasihat yang diberikan. Kerajaan sememangnya adalah Kerajaan yang membela rakyat dan bertanggungjawab dan Kerajaan kita ini tidak akan bertindak sewenang-wenangnya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Mohd. Yusoff bin Haji Mohd. Nor telah menyuarakan berkenaan dengan perasaan bimbang tentang hutang negara yang besar ini. Saya ingin di sini meyakinkan bahawa kadar bunga yang Kerajaan bayar untuk Bil-bil Perbendaharaan ini hanyalah antara 4% hingga 5% setahun. Di samping itu, hutang negara masih pada paras yang terkawal dan pinjaman Kerajaan melalui Bil-bil Perbendaharaan ini adalah merupakan hutang Kerajaan dalam negeri, dengan izin, 'domestic debts' yang berbeza dengan pinjaman yang diperolehi dari luar negeri. Oleh yang demikian, tiadalah pengeluaran keluar wang akibat daripada 'debt servicing' Kerajaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan tadi, Bil-bil Perbendaharaan ini merupakan satu 'instrument' yang penting bagi kegiatan pasaran kewangan tempatan. Penambahan had Bil ini yang boleh dikeluarkan akan membantu pasaran kewangan negara terus berkembang,

Mengenai cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Latif itu, Tuan Yang di-Pertua, seperti apa yang saya katakan tadi pinjaman Kerajaan melalui terbitan Bil-bil ini adalah bukan merupakan pinjaman dari luar negeri, tetapi dalam negeri ini. Saya ingin juga meyakinkan Yang Berhormat Senator ini bahawa Kerajaan sentiasa berhati-hati dengan pelaksanaan projek-

projek supaya raengelakkan pembaziran pada masa-masa yang akan datang di mana pada masa lepas jikalau ada kelemahan, Kerajaan akan membetulkannya.

Berkenaan dengan kerja lebih masa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu, perkara ini telabpun dijelaskan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri semalam dalam Dewan yang mulia ini. Jadi saya tak payahlah menjelaskannya sekali lagi.

Tuan Yang di-Pertua, kepada pertanyaan Yang Berhormat Datuk Nasir Haji Manap, saya ingin menyatakan sekali lagi paras hutang negara adalah masih pada paras yang terkawal.Paras ini adalah rendah kalau dibandingkan dengan negara-negara ketiga yang lain. Saya juga ingin memaklumkan bahawa Kerajaan bukan bercadag menggunakan kesemua \$2,000 juta ini sekaligus, tetapi hanyalah dibuat dari semasa ke semasa apabila keadaan kewangan Kerajaan memerlukan,Bil-bil ini digunakan untuk memenuhi keperluan jangka panjang, iaitu bagi tempoh Rancangan Malaysia Kelima.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin di sini menyatakan bahawa pinjaman Kerajaan melalui Bil-bil ini adalah merupakan non-inflationary source of fund', dengan izin.Dalam lain perkataan, ianya bukan sahaja dapat mengurangkan tekanan inflasi dalam negeri tetapi juga dapat mengurangkan pergantungan Kerajaan kepada pinjaman luar negeri.

Mungkin ada pandangan-pandangan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan saya tidak dapat menjelaskan segalanya, jadi saya minta maaf.Jika ada pandangan-pandangan dan teguran-teguran yang saya tidak dapat jelaskan, saya minta maaf.

Satu lagi Yang Berhormat Puan Hajjah Rogayah Che Mat mengemukakan beberapa pandangan yang saya anggap tidak berapa berkaitan dengan Bil-bil ini. Saya akan, kalau ada peluang, menjawab soalan-soalan itu pada satu masa nanti.

Dengan ini, saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya keraukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa]

Fasal 1 dan 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG PETROLEUM
(LANGKAH-LANGKAH KESELAMATAN) (PINDAAN)**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.15 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Kasitah Gaddam]: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang yang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Petroleum (Langkah-langkah Keselamatan) 1984 dibacakan kali yaag kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Petroleum (Langkah-langkah Keselamatan) 1984, iaitu Akta Ibu kepada Rang Undang-undang ini telah diluluskan oleh Dewan Rakyat pada 6hb April, 1984 dan oleh Dewan yang mulia ini pada 24hb April, 1984 serta telah diperkenankan

oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 27hb Jun, 1984. Akta ini telah dikuatkuasakan secara berperingkat-peringkat mulai 1hb Mac, 1985 dan telah dikuatkuasakan sepenuhnya pada 1hb Julai, 1986.

Akta Petroleum (Langkah-langkah keselamatan) 1984 ini telah digubal untuk menggantikan Undang-undang Petroleum Ordinan 1949 dan Petroleum Ordinan 1960, Sabah yang didapati telah menjadi tidak aesuai dengan keadaan perkembangan industri petroleum yang sophisticated dan kompleks di negara ini. Peruntukan undang-undang tersebut tidak meliputi langkah-langkah keselamatan bagi aktiviti-aktiviti dan bidang-bidang baru industri petroleura serta peningkatan penggunaan bahan-bahan petroleum yang lebih merbahaya seperti gas asli dan gas petroleum cecair ataupun, dengan lain, LPG.

Untuk melicinkan pelaksanaan Akta ini, peruntukan telah dibuat di mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebagai Menteri yang bertanggungjawab mengenai petroleum boleh membuat beberapa peraturan bagi menjamin keselamatan industri petroleum. Buat masa ini beberapa peraturan telahpun diwujudkan dan dikuatkuasakan, sementara beberapa peraturan lagi sedang dalam penyediaan.

Tuan Yang di-Pertua, adalah dicadangkan perkataan "Seksyen" pada Seksyen 5(2), Bahagian II Akta Petroleum (Langkah-langkah Keselamatan) 1984 dipinda kepada "Bahagian". Pindaan ini bertujuan bagi mengelakkan kekeliruan yang timbul dan menentukan pelaksanaan penguatkuasaan Akta ini dengan lebih berkesan.

Bahagian II kepada Akta Petroleum (Langkah-langkah Keselamatan) 1984 memperuntukkan 3 seksyen bagi mengawal aktiviti pengangkutan petroleum melalui jalanraya dan keretapi.

Seksyen 4 kepada Bahagian ini memberi peruntukan di mana Menteri boleh membuat peraturan-peraturan bagi pengangkutan

petroleum melalui jalanraya dan keretapi bagi menjamin keselamatan orang dan harta benda serta mengawal dan membenarkan worksyop-worksyop bagi penukaran, pemasangan, penyesuaian dan penarabahan sistem bahan bakar petroleum cecair bagi kenderaan bermotor.

Seksyen 5(2) pula meraberi peruntukan bagi penalti kepada perlanggaran Bahagian ini dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya seperti berikut:

Jika mana-mana orang melanggar mana-mana paruntukan dalara Bahagian ini atau mana-mana peruntukan yang dibuat di bawah seksyen ini dia adalah melakukan kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak lebih daripada \$10,000 dan mengenai sesuatu kesalahan yang berterusan dia boleh dikenakan denda tambahan tidak lebih daripada \$1,000 bagi tiap-tiap satu hari atau sebahagian daripada satu hari yang kesalahan itu berlaku atau berterusan selepas hari pertama yang berkenaan dengannya sabitan itu direkodkan.

Seperti diperhatikan, peruntukan Seksyen 5(2) hanya menyatakan seseorang itu akan didenda kerana melanggar mana-mana peruntukan dalam Bahagian ini atau mana-mana peruntukan peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Seksyen 5, sedangkan seksyen ini tidak memberi peruntukan Menteri membuat peraturan-peraturan. Oleh itu, mana-mana perlanggaran peraturan-peraturan yang dtbuat di bawah Seksyen 4 tidaklah merupakan satu kesalahan kerana perkataan "seksyen" kepada Seksyen 5(2) seperti di atas hanya merujuk kepada perlanggaran-perlanggaran kepada Seksyen 5 sahaja.

Keadaan yang sedemikian ini tidaklah menepati hasrat sebenarnya bagi peruntukan penalti di Bahagian ini, sebagaimana peruntukan seksyen 3 Bahagian ini yang berbunyi:

"Tiada seseorang boleh menghantar apa-apa petroleum melalui jalanraya atau keretapi kecuali mengikut Akta ini dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya."

Adalah jelas menunjukkan bahawa hasrat penalti seperti yang dinyatakan di dalam seksyen 5(2) bahagian ini juga bermaksud bagi meliputi sebarang pelanggaran kepada apa jua peraturan-peraturan yang dibuat oleh Menteri di bawah peruntukan-peruntukan lain di Bahagian ini. Oleh itu untuk memastikan keberkesanan penguatkuasaan Akta ini, dicadangkan supaya perkataan "seksyen" yang terdapat pada peruntukan seksyen 5(2) digantikan kepada "bahagian" dan seksyen ini sekarang berbunyi seperti berikut:-

"5.(2) Jika mana-mana orang melanggar mana-mana peruntukan yang dibuat di bawah Bahagian ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Bahagian ini, dia adalah melakukan satu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak lebih daripada sepuluh ribu ringgit dan mengenai sesuatu kesalahan yang berterusan, dia boleh dikenakan denda tambahan tidak lebih daripada Seribu ringgit bagi tiap-tiap satu hari atau sebahagian daripada satu hari yang kesalahan itu berlaku atau berterusan selepas hari pertama yang berkenaan dengannya sabitan itu direkodkan:

Dengan syarat bahawa mengenai sesuatu pelanggaran mana-mana peruntukan Bahagian ini atau apa-apa kehendak mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Bahagian ini berhubung dengan petroleum kelas 1A atau kelas 1B, mana-mana orang yang melakukan kesalahan itu, apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak lebih daripada lima belas ribu ringgit dan denda tambahan tidak lebih daripada dua ribu ringgit bagi tiap-tiap hari atau sebahagian daripada satu hari yang kesalahan itu berlaku atau berterusan selepas hari pertama yang berkenaan dengannya sabitan itu direkodkan."

Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya pindaan terhadap Akta Ini adalah merupakan pindaan yang bukan substantif. Tujuan pindaan ini adalah untuk memperkemaskan keberkesanan penguatkuasaan undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Kewangan [Tuan Loke Tuen Yow]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong usul ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Akta Petroleum (Langkah-Langkah Keselamatan) 1984 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

6.24 ptg.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil peluang menyokong suatu Akta untuk meminda Akta Petroleum (Langkah-langkah Keselamatan) 1984.

Memandangkan pindaan ini semata-mata untuk memperkuat lagi

langkah-langkah keselamatan, maka saya mengalu-alukan Rang Undang-undang ini untuk dibawa dan diluluskan untuk menjaga keselamatan orang ramai daripada kemalangan-kemalangan yang disebabkan oleh petroleum sama ada gas asli ataupun gas cecair (LPG) yang mana sekarang ini kita lihat bahawa orang awam tidak merasa takut dengan akibat daripada kemalangan-kemalangan yang disebabkan oleh dua bahan petroleum kita ini.

Kalau Akta ini diperkuatkan lagi dan kepada mereka yang melanggar kesalahan-kesalahan ini dikenakan penalti yang lebih, tentu mereka akan dapat menjaga keselamatan dan ketenteraman orang ramai supaya mereka yang mahu mencari keuntungan dari dua sumber, gas asli atau gas cecair, ini dapat sama-sama bekerjasama dengan Kerajaan di dalam menyelamatkan orang ramai, harta-benda umum dan lain-lain.

Saya minta kepada Kerajaan supaya dalam masalah Akta Keselamatan Petroleum ini, juga Kerajaan memikirkan bagaimana penyeludupan petrol dan gas cecair kita dengan negara-negara jiran; Kemungkinan ini akan berlaku, sama ada jiran bawanya masuk ke sini yang merugikan kita atau petrol kita dibawa keluar sebab ini juga termasuk dalam langkah-langkah keselamatan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu kita dapat melihat bahawa Akta yang baru digubal dalam tahun 1984 dan dilaksanakan pada 1hb Julai, 1986 dan hari ini kita menghadapi satu pindaan, maka sebagai seorang Ahli Dewan Negara ini, saya menasihatkan kepada Kerajaan supaya dapat menjalankan Akta ini dengan sebaik-baiknya. Kepada orang ramai terutama di sebelah Pantai Timur, saya lihat ada mereka yang menjual petroleum di pondok-pondok di tepi-tepi jalan. Ini Kerajaan harus mengambil perhatian supaya mereka ini nanti, kalau dikenakan dengan melakukan kesalahan kerana tidak menjaga

keselamatan orang ramai, dapatlah mereka itu dipertimbangkan. Juga di sebelah pantai negeri Perak, di Kampung Gajah saya kedengaran ada orang yang menjual petrol di tepi jalan menggunakan botol dengan harga 50 sen atau 60 sen untuk faedah orang-orang yang pakai motor 50 c.c. di kampung-kampung ini. Kalau dapat mereka ini dikecualikan daripada Akta ini, kerana mereka semata-mata untuk membuat khidraat kepada masyarakat. Kalaupun berlaku keadaan merbahaya, barangkali keadaan itu tidaklah begitu merbahaya seperti di kawasan-kawasan kilang-kilang atau di kawasan-kawasan industri yang lain.

Sekian, saya menyokong Rang Undang-undang ini.

Tuan Kasitah Gaddam: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat kerana telah memberikan pandangan yang jelas mengenai pindaan tentang Akta ini. Saya ingin memberitahu bahawa segala pandangan itu akan diambil kira dan kita selalu akan mencari jalan supaya Akta ini akan dapat dikuatkuasakan dengan saksama di antara semua penduduk dan juga kepada semua pengusaha tentang petroleum ini.

Tuan Yang di-Pertua, pandangan Yang Berhormat tentang pengedar-pengedar petroleum yang kecil-kecilan itu akan diselidiki dengan lebih lanjut lagi supaya sekiranya petroleum itu tidak begitu banyak, ada satu Akta yang mereka ini tidak akan diikat ataupun tidak dikenakan dengan seksyen yang telah dipinda pada hari ini.

Tujuan utama Kerajaan untuk meminda perkataan "seksyen" itu kepada "Bahagian" adalah untuk memperkuatkan lagi keberkesanan Akta ini supaya Akta ini akan lebih berkesan lagi untuk meliputi keselamatan orang ramai dan juga keselamatan benda-benda yang berdekatan dengan petroleum.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja dan saya mengucapkan terima kasih atas pandangan Yang Berhormat itu.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui,

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangkan dalam Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa]

Fasal 1 dan 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua: Dengan itu masa untuk hari ini pun sudah cukup dan Majlis ini ditangguhkan sehingga pukul 3.00 petang esok, hari Jumaat, 12hb Disember, 1986.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.

[Jawapan bagi Pertanyaan No.14 hingga 24 adalah diberi di bawah ini]

PELAJAR KE UNIVERSITI - PENGAMBILAN

Tuan A.Shaik Dawood minta Menteri pelajaran menyatakan sama ada pengambilan pelajar-pelajar ke fakulti-fakulti di Universiti tempatan mengikut peratus yang dinyatakan oleh beliau dalam kenyataan beliau baru-baru ini bahawa pengambilan pelajar ke universiti-universiti tempatan adalah mengikut peratus 55% pelajar Bumiputera dan 45% pelajar bukan Bumiputera.

Menteri Pelajaran (Tuan Anwar bin Ibrahim); Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini pengambilan pelajar-pelajar ke universiti-universiti tempatan adalah mengikut nisbah 55% untuk pelajar Bumiputera dan 45% untuk pelajar bukan Bumiputera.

NILAI RINGGIT MALAYSIA

15. **Tuan Bee Yang Sek** minta Menteri Kewangan menyatakan:-

- (a) sebab-sebab kadar pertukaran antara Ringgit Malaysia dan Dollar Singapura, pound Sterling dan Dollar US semakin meningkat dan merugikan pihak Malaysia; dan
- (b) sama ada Ringgit Malaysia akan turun nilai (devalue).

Tuan Loke Yuen Yow:

- (a) Sebab-sebab kadar pertukaran antara ringgit dan dollar Singapura, pound Sterling, dollar Amerika Syarikat dan juga lain-lain matawang bertukar telah-pun saya terangkan di dalam jawapan pada soalan yang sama bentuknya pada 1hb. Disember 1986 yang lalu. Soal rugi dan untung yang timbul akibat perbezaan kadar pertukaran adalah perkara biasa. Apa yang penting ialah kita perlu berusaha untuk mengukuhkan ekonomi negara yang mempengaruhi kedudukan nilai ringgit.

- (b) Nilai ringgit tidak perlu diturunkan (devalue) kerana nilai ringgit berasaskan kepada sekumpulan perwakilan matawang rakan-rakan perdagangan utama Malaysia dan ditetapkan oleh faktor permintaan dan bekalan di pasaran pertukaran wang asing.

PENERAPAN NILAI-NILAI ISLAM DI SEKOLAH-SEKOLAH

16. Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Latif minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah Kerajaan bercadang menerapkan semua bidang pelajaran di semua Sekolah Rendah, di Sekolah Menengah dan Institusi-institusi Pengajian Tinggi berorientasikan Islam sesuai dengan jangka panjang penerapan nilai-nilai Islam. Jika ia, bilakah akan dilaksanakan. Jika tidak kenapa.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan memang sentiasa berusaha menerapkan nilai-nilai Islam dalam semua bidang dan peringkat pelajaran. Di Sekolah Rendah dan Menengah nilai-nilai Islam telah diserapkan dengan mewajibkan tnatapelajaran Agama Islam kepada murid-murid Islam dan Pendidikan Moral kepada murid-murid bukan Islam. Nilai-nilai Islam diserapkan juga melalui kegiatan ko-kurikulum seperti latihan amal ibadat, perhimpunan mingguan sekolah dan persatuan-persatuan.

Institusi Pengajian Tinggi pula menawarkan Kursus Tamaddun Islam dan Pendidikan Islam kepada setnua penuntutnya. Nilai-nilai Islam diserapkan juga tnelalui kegiatan dan aktiviti persatuan, ceramah, dialog dan perbahasan berhubung dengan Islam,

PEKERJA DALAM SEKTOR AWAM

17. Dato' Dr. K.S.Nijhar minta Perdana Menteri menyatakan sama ada sektor awam mempunyai pekerja-pekerja berlebihan dan apakah langkah-langkah yang akan diambil bagi menentukan satu perimbangan di antara tenaga kerja dan produktiviti.

Dato' Dr. Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Soal sama ada sektor awam mempunyai pekerja-pekerja berlebihan haruslah dilihat dari perspektif yang luas. Di Malaysia, sektor awam meliputi Kementerian/Jabatan Persekutuan, Jabatan-jabatan Negeri, Pasukan Tentera, Pasukan Polis, Badan-badan Berkanun Persekutuan, Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan. Institusi-institusi ini diwujudkan berdasarkan peranan utama Kerajaan dalam pembangunan negara baik dalam bidang ekonorai dan sosial. Dalam konteks yang ada sekarang, peranan Kerajaan telah mula berubah dengan adanya dasar-dasar seperti 'Malaysia Incorporated' dan Dasar Penswastaaan. Ini disebabkan pihak swasta telah berkeupayaan untuk mengambil alih beberapa program yang selama ini dimainkan oleh sektor awam. Selaras dengan perkembangan tersebut, Kerajaan telahpun mengambil tindakan untuk mengkaji balik keanggotaan di dalam sektor awam.

Selain daripada itu, tiap-tiap Kementerian, Jabatan dan Agensi-agensi Kerajaan telah diarah untuk mengkaji balik sistem pengurusan dan mencari usaha-usaha untuk mengurangkan keanggotaan di organisasi masing-masing. Adalah diharapkan dengan sistem pengurusan yang cekap dapat dikurangkan saiz keanggotaan di dalam sektor awam.

Beberapa cara dan langkah telah dijalankan oleh Kerajaan untuk meningkatkan produktiviti di dalam sektor awam dan untuk memperimbangan antara tenaga kerja dan produktiviti secara optima. Di antaranya ialah:-

- (i) mengadakan program-program latihan yang berterusan untuk meningkatkan kebolehan pekerja-pekerja sektor awam;
- (ii) mengadakan sistem-sistem dan teknik-teknik kerja yang lebih mudah dan berkesan;
- (iii) mengadakan alat kelengkapan pejabat. yang lebih moden;
- (iv) mengwujudkan etika kerja yang lebih positif;
- (v) melancarkan program-program pengukuran produktiviti di dalam perkhidmatan awam yang bertujuan untuk raeng-ukur sejauhmana 'input' tenaga manusia yang ada di-gunakan dengan cekap untuk menghasilkan "output";
- (vi) pengagihan semula (redeploy) tenaga kerja dari satu jabatan ke jabatan yang lebih memerlukan;
- (vii) memansuhkan jawatan-jawatan kosong yang kurang penting;
- (viii) mengkaji seraula fungsi-fungsi jabatan, khususnya fungsi-fungsi yang bertindih dan lapuk;
- (ix) memperkemas organisasi jabatan-jabatan supaya fungsi-nya dapat dijalankan dengan lebih kemas dan berkesan di samping mengurangkan perbelanjaan; dan
- (x) menswastakan fungsi serta aktiviti yang boleh di-jalankan dengan lebih produktif dan berkesan oleh pihak swasta.

SEKIM TABUNG PELABURAN BARU - PINJAMAN

18. **Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa selepas tujuh (7) bulan pelancaran Tabung Pelaburan (New Investment Fund) yang bernilai M\$1 billion, hanya M\$399 juta pinjaman yang telah diluluskan untuk enam puluh tiga (63) buah projek. Manakala wang pinjaman yang telah dikeluarkan dari tabung tersebut adalah sebanyak \$59.8 juta. Angka-angka ini tidaklah begitu memberangsangkan dalam memperkukuhkan tahap ekonomi negara. Jika sedar dan setelah mengenalpasti masalah-masalah yang wujud, apakah langkah-langkah segera yang sedang dan akan diambil oleh pihak Kerajaan untuk mencapai matlamat-matlamat asal penubuhan tabung tersebut.

Tuan Loke Tuen Yow: Pada 6hb Disember, 1986, sebanyak 152 permohonan pinjaman berjuttulah \$541 juta telah diluluskan di bawah Sekim Tabung Pelaburan Baru (TPB). Kelulusan ini melibatkan pembiayaan kepada 139 projek yang mempunyai jumlah kos pelaburan sebanyak \$1,280 juta. Daripada jumlah tersebut, \$196.9 juta telah dikeluarkan. Kedudukan pinjaman TPB mengikut sektor pada 16hb Disember, 1986 adalah seperti berikut:-

Sektor	Bilangan permohonan	Pinjaman yang diluluskan (\$ juta)	Pinjaman yang dikeluarkan (\$ juta)
Pertanian	38	183.0	43.8
Pembuatan	110	347.4	147.6
Pelancongan	4	10.6	5.5
JUMLAH	152	541.0	196.9

Memandangkan sekira tersebut hanya dilancarkan satu tahun yang lalu, sambutan terhadap sekim **TPB**, setakat ini boleh dianggap memuaskan memandangkan keadaan ekonomi yang meleset.

Pengeluaran pinjaman yang perlahan antara lain adalah disebabkan oleh masa yang diperlukan untuk menyempurnakan dokumen jaminan dan jangka masa yang panjang diperlukan sebelum projek boleh dimulakan.

Bagi meningkatkan lagi penggunaan sekim ini, pada awal tahun ini Kerajaan telah meluaskan sekim TPB kepada bank-bank saudagar, Syarikat Permodalan Kemajuan Perusahaan Malaysia Bhd. (MIDF) dan Bank Kemajuan Perusahaan Malaysia Bhd. Selain daripada itu Bank Negara telah melaksanakan sekim tersebut dengan sikap yang liberal. Misalnya pinjaman sewa pajak boleh juga dibiayai sekiranya projek tersebut adalah layak dan di bawah sektor pelancungan kemudahan-kemudahan pengangkutan seperti bas dan feri juga layak dibiayai.

Untuk raenggalakkan lagi penggunaan sekim TPB, kadar pinjaman maksimum telah diturunkan dari 11% kepada 10% berkuatkuasa mulai 24hb. Oktober 1986. Pada hari yang sama juga, sekim TPB telah diluaskan kepada sektor perlombongan,

PELAJARAN AGAMA-AGAMA DI SEKOLAH-SEKOLAH

19. Tuan Chan Choong Tak minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada untuk menyemaikan prinsip pertama Rukun Negara iaitu Kepercayaan Kepada Tuhan ke dalam anak-anak kita beliau akan mengarahkan bahawa ajaran agama-agama akan diberikan kepada murid-murid sekolah, jika boleh semasa waktu sekolah.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Kementerian Pelajaran tidak akan mengarahkan sekolah-sekolah mengadakan pelajaran agama-agama lain selain daripada Agama Islam. Mengikut Seksyen 37 Akta Pelajaran 1961 Kementerian Pelajaran hanya bertanggungjawab menyediakan serta mewajibkan pendidikan Agama Islam sahaja untuk murid-murid beragama Islam. Murid-murid lain juga boleh mengikuti kelas-kelas tersebut tertakluk kepada kemahuan masing-masing.

KADAR FAEDAH BANK

20. Tuan R.M. Jasni minta Menteri Kewangan menyatakan kadar faedah yang paling tinggi boleh dikenakan oleh sesebuah bank ke atas mana-mana pinjaman kepada pelanggan-pelanggannya. Adakah Bank Negara Malaysia mempunyai bidang kuasa untuk melindungi para pelanggan dari dikenakan kadar faedah secara sewenang-sewenangnya oleh sesebuah bank itu.

Tuan Loke Yuen Yow: Kadar faedah yang dikenakan oleh institusi kewangan ke atas para pelanggannya bergantung kepada beberapa faktor termasuk kos kumpulan wang institusi tersebut, tujuan pinjaman, projek yang akan dibiayai dan juga keutuhan kedudukan kredit peminjam tersebut. Bagi pinjaman kepada sektor-sektor utama, institusi-institusi kewangan tidak boleh mengenakan kadar faedah melebihi daripada kadar maksimum yang ditetapkan oleh Bank Negara. Kadar faedah maksimum bagi sektor utama adalah seperti berikut:-

- | | |
|---|-------------|
| (1) Pinjaman kepada pemilik yang menduduki rumah sendiri (owner-occupied) | |
| (a) di mana nilai harta itu kurang daripada \$60,000 | 10% setahun |
| (b) di mana nilai harta itu di antara \$60,000 - \$100,000 | 11% setahun |
| (2) Pinjaman kepada masyarakat Bumiputra untuk perniagaan (maksimum \$500,000). | 10% setahun |
| (3) Pinjaman kepada pengusaha-pengusaha kecil. | 10% setahun |

Sepanjang tahun ini, kadar faedah purata yang dikenakan oleh bank-bank perdagangan ialah 12.5%, kadar faedah pinjaman yang lebih tinggi yang dikenakan mungkin termasuk kadar penalti disebabkan oleh pembayaran lewat.

Bank Negara sentiasa mengawasi dengan teliti perkembangan kadar faedah. Setiap institusi kewangan itu bertanggungjawab untuk menentukan kadar faedah yang patut dikenakan ke atas sesuatu pinjaman yang diberi kepada pelanggannya. Namun demikian, institusi kewangan yang mengenakan kadar faedah yang tidak berpatutan akan diarahkan oleh Bank Negara untuk mengenakan kadar faedah yang lebih berpatutan.

AMARAN HAD LAJU - PERATURAN

21. **Tuan Hassan bin Nam** minta Menteri Pengangkutan menyatakan iaitu adakah Kerajaan ada cadangan untuk mengadakan pemasangan alat amaran had laju di semua kenderaan melalui bunyian loceng bila tiap-tiap seorang pemandu memandu keretanya misalan lebih dari 100 meter (Mph) loceng amaran akan berbunyi dengan sendirinya sebagaimana yang terdapat di beberapa buah negara jiran, jika ya bila, dan jika tidak mengapa.

Puan Hajjah Rahmah binti Othman: Peraturan penggunaan alat amaran had laju menetapkan hanya lori-lori, bas-bas ekspres dan bas-bas persiaran dengan ukuran berat dengan muatan sebanyak 4500 kg dan keatas diwajibkan memasang alat amaran had laju. Pada ketika ini Kementerian Pengangkutan belum ada cadangan untuk memperluaskan undang-undang ini kepada kenderaan-kenderaan yang lain. Ini adalah kerana Kementerian Pengangkutan perlu mengkaji terlebih dahulu kesan pemasangan alat amaran had laju sebagai langkah untuk mengurangkan kemalangan di jalan raya ke atas kenderaan-kenderaan yang lain.

BANK PERDAGANGAN - PANDUAH PINJAMAN

22. Puan Mazidah binti Haji Zakaria minta Menteri Kewangan menyatakan, memandangkan peranan penting yang dimainkan oleh barangan utama bagi memperoleh pertukaran luar negeri yang diperlukan bagi tujuan-tujuan seperti mengimport barangan-barangan penting (capita goods) dan pembayaran hutang (debt servicing), apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Bank Negara bagi memastikan supaya institusi-institusi kewangan benar-benar membantu dalam membangunkan sektor barangan Malaysia dan mempertahankan daya persaingan dan dayahidup (viability) dalam menghadapi persaingan yang semakin meningkat dan harga barangan yang semakin menurun.

Tuan Loke Yuen Yow: Sejak tahun 1976, Bank Negara telah menetapkan garis-garis panduan pinjaman yang minimum ke atas bank-bank perdagangan. Salah satu daripadanya ialah berkenaan dengan pengeluaran hasil-hasil pertanian yang termasuk pinjaman yang diberi untuk kegiatan tanaman, perikanan dan ternakan serta pemerosesan makanan.

Di bawah garis-garis panduan pinjaman bagi tahun 1986, bank-bank perdagangan dikehendaki memberi pinjaman untuk pengeluaran makanan pertanian sebanyak 6% daripada jumlah pinjaman yang belum dijelaskan pada 31hb. Disember 1985. Keperluan ini hendaklah dipenuhi menjelang 31hb. Disember 1986. Sehingga 31hb. Oktober 1986, jumlah pinjaman yang belum dijelaskan bagi pengeluaran hasil pertanian adalah sebanyak \$2,400 juta yang merupakan 5.1% daripada 'loan base'.

Di samping itu, Tabung Pelaburan Baru yang ditubuhkan pada bulan September 1985 memberi kemudahan pinjaman pada kadar yang berpatutan untuk pelaburan-pelaburan tetap yang baru dalam sektor perkilangan, pelancungan, perlombongan dan pertanian. Aktiviti-aktiviti penyelidikan dan pembangunan, tanaman-tanaman baru dan tanaman semula hasil pertanian, terutamanya hasil-hasil makanan, adalah layak untuk mendapat pinjaman di bawah Tabung Pelaburan Baru.

Sehingga 6hb. Disember 1986, sebanyak \$183 juta (dari jumlah \$541 juta) telah diluluskan untuk 34 projek pertanian. Satu skim pinjaman bijih timah bernilai sebanyak \$70 juta juga telah diluluskan melalui pembiayaan dari tabung ini.

Selain dari itu, pada bulan Jun 1985, kemudahan Pembiayaan Semula Kredit Eksport Bank Negara telah diperluaskan untuk merangkumi eksport hasil-hasil pertanian. Sejak 1hb. Disember 1986, barangan utama yang termasuk getah dan minyak kelapa sawit mentah juga layak mendapat pembiayaan dari kemudahan ini. Keutamaan diberi kepada barangan-barangan yang menghadapi saingan hebat di pasaran antarabangsa dan barangan yang akan menembusi pasaran yang baru dan rumit.

DASAR EKONOMI BARU MENJELANG 1990

23. Puan Hajjah Azizah binti Haji Hohd. Said minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa dalam sebuah majalah luar negeri bertarikh 5 Oktober 1986, seorang pensyarah dalam pembangunan ekonomi berkata Malaysia akan menghadapi masalah mengenai Dasar Ekonomi Baru atau DEB apabila sampai kepada tahun 1990. Beliau seterusnya berkata bahawa hanya sebilangan kecil orang Melayu yang tinggal di bandar sahaja yang mendapat faedah dari DEB sementara sebilangan besar orang-orang Melayu di luar bandar masih lagi miskin. Adakah pihak Kementerian akan mengambil langkah-langkah positif bagi mengatasi masalah tersebut supaya DEB benar-benar dapat membasmi kemiskinan orang-orang Melayu di luar bandar.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Kasitah Gaddam]:

Kerajaan sedar mengenai pendapat seorang ahli ekonomi tempatan dalam majalah yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat. Bagi Kerajaan, itu adalah merupakan pendapat beliau sendiri sebagai seorang akademik. Pendapat dan kesimpulan pihak Kerajaan telahpun dinyatakan dengan jelasnya dalam dokumen-dokumen rasmi Kerajaan.

Kerajaan tidak bersetuju dengan pendapat pensyarah tersebut yang mengatakan bahawa Kerajaan tidak menitikberatkan usaha-usaha membasmi kemiskinan dan sebahagian kecil sahaja kaum Melayu di kawasan bandar telah menikmati faedah dari usaha-usaha DEB.

PEMBINAAN SEKOLAH-SEKOLAH

24. Tuan Haji Shahrom bin Haji Maasom minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah Menteri sedar ada beberapa buah sekolah-sekolah rendah di kampung-kampung yang baru dibina dengan kos yang banyak, tetapi ketiadaan murid. (Adakah Kerajaan bercadang untuk menutup sahaja sekolah tersebut, dan bangunan itu boleh digunakan oleh lain-lain projek pembangunan).

Tuan Anwar bin Ibrahim: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembinaan sesebuah sekolah adalah berdasarkan kepada keperluan di sesuatu kawasan itu dan peruntukan kewangan yang ada. Ini juga setelah mengambilkira sama ada sekolah-sekolah berhampiran sudah penuh dan tidak boleh lagi menampung pertambahan murid di kawasan tersebut. Oleh yang demikian tidak terdapat mana-mana sekolah yang baru dibina ketiadaan murid.

Walau bagaimanapun memang terdapat sekolah-sekolah rendah di kawasan-kawasan terpencil dan pedalaman yang mempunyai bilangan murid yang kecil. Di mana yang boleh Kementerian akan menutup sekolah-sekolah itu dan memindahkan murid-muridnya ke sekolah-sekolah berhampiran. Adalah menjadi amalan biasa bahawa bangunan-bangunan yang ditinggalkan itu sekiranya masih selamat digunakan akan digunakan untuk lain-lain projek pembangunan.

